



# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 3821]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 3883]

### USUL-USUL:

Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan (Bil. DR. 2 Tahun 1984)  
[Ruangan 3883].

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 3950]

### UCAPAN PENANGGUHAN:

Sewa Tanah di Kepong [Ruangan 3952]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- Yang Berhormat DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

**Puan Kong Yooi Thong.**

Juliah binti Awam .

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd . Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 24hb Julai, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN  
DASAR KOMPUTER  
KEBANGSAAN

1. Tuan Yew Foo Weng minta Perdana Menteri menyatakan berkenaan dengan pelaksanaan Dasar Komputer Kebangsaan (National Computer Policy) adakah benar MAMPU (Unit Permodanan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia) ada diberikan kewajipan yang mustahak untuk menggunakan alat-alat komputer. Jika benar, berapakah jumlah bilangan tenaga kakitangan, kelayakan dan pengalaman mereka dalam MAMPU yang terlibat dalam usaha ini yang benar-benar mempunyai pengalaman dan berkemahiran menjalankan tanggungjawab yang mustahak ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk mengkaji dan menimbangkan keperluan komputer dalam Agensi-agensi Kerajaan telah diberikan kepada Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu sejak dahulu. Melalui Pekeliling Am Bil. 1/76 bertarikh 15hb Disember, 1976 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8/76 bertarikh 15hb Disember, 1976 kuasa ini diberikan kepada

Jawatankuasa Pemerosesan Data Otomatik JPDO dengan MAMPU sebagai Urusetianya. JPDO dianggotai oleh pakar-pakar komputer tempatan dari agensi-agensi Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi.

Dengan meluasnya penggunaan komputer di Malaysia keperluan satu Dasar Komputer Negara telah dikenalpasti dan sedang diusahakan. Kerana tugas itu merupakan tanggungjawab yang berat satu Jawatankuasa Pemerosesan Data Negara (National Committee on Data Processing), dengan izin, telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh seorang Menteri dan dianggotai oleh pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan serta pakar-pakar komputer tempatan.

Jawatankuasa Kebangsaan ini akan dibantu oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil berhubung dengan perkara-perkara teknikal, latihan dan lain-lain. MAMPU akan menjadi Urusetia Jawatankuasa Kebangsaan itu. Dengan itu adalah jelas bahawa tenaga kepakaran yang digunakan untuk menyusun dan melaksanakan dasar komputer negara itu nanti bukanlah terletak di MAMPU sahaja tetapi didapati dari berbagai-bagai agensi-agensi lain, badan-badan berkanun dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi. Pegawai-pegawai dari MAMPU sendiri adalah terdiri dari pegawai pengurusan di peringkat tinggi dan pegawai-pegawai teknikal termasuk Pegawai-pegawai Analisa Sistem dan Pengatur Rancangan.

Kelulusan pegawai-pegawai di MAMPU yang terlibat baik secara langsung atau tidak termasuklah satu Ph.D., 12 Ijazah Sarjana di berbagai-bagai lapangan dan kelayakan yang lain-lain yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Speaker, sungguhpun dasar komputer ada beberapa buah Jawatankuasa khas untuk melancarkan satu polisi, adakah Menteri berkenaan sedar banyak di beberapa pejabat ada alat-alat komputer sungguhpun dibeli dengan berjuta-juta ringgit tetapi tidak boleh digunakan oleh sebab tidak sesuai untuk pejabat itu. Adakah sedar kalau sedar, apakah sebabnya.

**Dato Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar terdapatnya alat-alat komputer yang tidak dapat digunakan. Setahu saya komputer-komputer mana yang telah dibelikan sebelum ianya diselaraskan di bawah dasar komputer ini adalah digunakan dengan penuh dan dengan baik.

**Tuan Daud bin Dato Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, disebabkan oleh begitu banyak sekali Badan-badan yang boleh menyelaraskan penggunaan komputer, adakah Kerajaan bercadang untuk menentukan supaya MAMPU menjadi badan penyelaras menentukan supaya agensi-agensi Kerajaan yang berkehendakkan membeli komputer ditentukan supaya membeli atau menggunakan komputer yang sesuai yang telah pun dikaji keupayaannya oleh pihak MAMPU, jadi tidak bercanggah.

Kedua apakah langkah-langkah keselamatan kerana dalam penggunaan komputer selalunya ada terjejas keselamatan penggunaan komputer, jadi apakah dasar Kerajaan mengenai keselamatan penggunaan komputer. Adakah Kerajaan juga bercadang untuk menggunakan

komputer di tiap-tiap sekolah kerana memandangkan keadaan semasa iaitu penuntut sekolah sepatutnya didedahkan kepada penggunaan komputer semasa mereka masih muda lagi.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan pertama tadi, sebenarnya MAMPU sudah pun memulakan tugas-tugas untuk menyelaraskan kegunaan komputer-komputer khususnya di Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawah Kerajaan dan ini akan lebih dipastikan lagi di bawah Dasar Komputer Nasional yang saya sebutkan tadi yang mana perkara-perkara seperti sistem yang digunakan dan perkara-perkara yang terperinci yang lain di bawah penggunaan komputer ini dapat lagi diselaraskan.

Kedua, dari segi keselamatan komputer tadi, ini juga sedang diambil perhatian dan mengenai penggunaan komputer di sekolah seperti yang telah dijelaskan, memang saya rasa bagi pihak Kementerian Pelajaran perancangan ataupun kajian untuk memperkenalkan kurikulum komputer ini sudah pun wujud, cuma di peringkat pelaksanaannya sahaja saya rasa kita belum sampai lagi ke peringkat itu dan seperti yang dinyatakan apabila sampai masanya mungkin juga perancangan ini akan dijadikan sebagai dasar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir).*

#### ANGKATAN TENTERA— MEMPERLENGKAPKAN SENJATA MODEN

3. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan penyebaran geografi

(geographical spread) negara adalah begitu luas sama ada keselamatan sempadan-sempadan kebangsaan boleh dibantu dengan mempunyai sebuah kapal peninjau AWACS.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengkaji dan mengikuti perkembangan politik serantau serta perubahan strategik alam sekeliling yang berlaku sekarang. Oleh sebab itu, langkah-langkah memperlengkapkan Angkatan Tentera kita dengan senjata-senjata moden sentiasa dibuat mengikut perkembangan semasa.

Buat masa ini Angkatan Tentera kita mempunyai keupayaan yang mencukupi untuk mengawal keadaan keselamatan di daerah sempadan negara kita. Perlu dinyatakan di sini, iaitu setiap pembelian alat kelengkapan pertahanan termasuk pesawat-pesawat terbang yang moden dan sophisticated untuk mempertahankan negara adalah dilaksanakan berasaskan kepada kemampuan ekonomi negara dan pandangan jauh negara terhadap pergolakan politik yang dihadapi oleh dunia hari ini.

Pembelian senjata-senjata moden untuk Angkatan Tentera ini juga adalah dibuat dengan pertimbangan supaya ianya tidak menjejaskan proses pembangunan sosio-ekonomi yang tidak kurang pentingnya dalam menentukan keamanan dan kemakmuran sesebuah negara.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri Pertahanan mengatakan bahawa kelengkapan-kelengkapan perang bagi negara kita ini memang mencukupi dan kita juga mengikut keadaan masa.

Saya ingin tahu sama ada benar atau tidak bahawa baru-baru ini yang mana sebuah kapal selam daripada Russia telah timbul di sebelah pantai timur Semenanjung dan kita mendapat kesan itu bukannya datang daripada alat radar daripada negeri kita tetapi apa yang kita dapat ialah daripada radar yang dipunyai oleh Angkatan Tentera Singapura, kemudian Angkatan Tentera Singapura melaporkan balik kepada pihak Kementerian Pertahanan. Adakah perkara ini benar ataupun di sebaliknya.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Saya tidak sedar keadaan yang berlaku seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Selalunya radar pertahanan udara kita di Butterworth di bawah Five-Power Defence Arrangement, dengan izin, selalunya memberi laporan kepada radar itu dapat mengesan sesuatu perkara yang penting kesan itu baru terus diberitahu kepada Kementerian Pertahanan di Kuala Lumpur.

Yang saya sebutkan tadi Five-Power Defence Arrangement itu ialah termasuk detachment pegawai-pegawai dari Singapura.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu rasanya kita tidak akan membeli sebuah kapal terbang AWACS tetapi kita juga mengetahui bahawa Singapura tidak berapa lama dahulu telah membeli beberapa buah kapal terbang yang serupa. Jadi, saya suka hendak bertanya oleh kerana kita ada hubungan perjanjian dengan Kerajaan Singapura, apakah faedah yang kita telah perolehi daripada kapal terbang AWACS daripada Singapura itu.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan Singapura tidak membeli AWACS hanya kapalterbang E2c yang kecil daripada AWACS. Setakat ini menggunakan Boeing 707 tetapi E2c ini ialah kapalterbang jenis kecil yang dikeluarkan oleh Grumen. Kita tidak mempunyai satu perjanjian khas di antara negara Malaysia dengan negara Singapura.

Walaupun demikian, sekiranya ada perkara-perkara yang penting untuk faedah kedua-dua negara kemungkinan besar bahawa apa-apa yang perlu untuk Malaysia negara Singapura ataupun Angkatan Tentera Singapura akan melaporkan kepada kita.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri Pertahanan tadi mengatakan kelengkapan kita adalah cukup untuk mengawal keselamatan di dalam negara kita. Kalau tidak silap saya, pada tahun yang sudah negara kita telah dimasuki ruang angkasanya oleh kapalterbang daripada Russia. Kenapa perkara ini boleh berlaku? Sepatutnya sebelum kapalterbang-kapalterbang Rusia dan sebagainya itu masuk ke kawasan udara negara kita, kita mempunyai kapalterbang-kapalterbang yang disediakan untuk mengusir atau menghalau kapalterbang-kapalterbang itu keluar dari kawasan kita. Jadi, apa sebab ini berlaku dan bagaimana supaya perkara ini tidak berulang lagi.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, perkara itu berlaku di luar daripada kawasan 12 batu dari pantai kita tetapi di dalam kawasan zon ekonomi 200 batu (nautical miles) dari pantai negara kita. Di bawah undang-undang antarabangsa ataupun Law of the Sea, kuasa asing diberi peluang

untuk dibenarkan kapalnya, kapal perang ataupun kapal mereka diberi peluang untuk menggunakan ruang kita sebagai digelarkan, dengan izin, "innocent passage." Jadi, perkara itu berlaku di dalam keadaan tersebut. Mengikut undang-undang tersebut juga bahawa kita walaupun 200 batu itu dalam EEZ kita tetapi kita hanya berhak 500 meter, dalam kesah tersebut adalah pelantar minyak. Jadi, kita berhak sekiranya kapalterbang musuh masuk ruang angkasa dalam 500 meter daripada pelantar minyak kita, kita berhak sekiranya kapalterbang tersebut membuat tujuan yang berniat jahat kepada orang-orang yang ada di sana.

Dalam keadaan kesah yang berlaku itu kita tidak berhak untuk menghalaunya jikalau ia mengikut perjalanan hendak balik ke pengkalannya di Russia.

#### PENCEROBOHAN PEMUDA THAI DI BUKIT KAYU HITAM

4. **Tuan Ismail bin Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab-sebab sebenarnya berlaku pencerobohan masuk pemuda-pemuda Thai dan merusuh di kawasan Malaysia di Bukit Kayu Hitam. Kedah baru-baru ini, dan apakah tindakan pihak Kerajaan bagi mengatasinya agar kejadian seumpama ini tidak berlaku lagi di masa-masa akan datang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebab-sebab sebenar berlaku pencerobohan masuk pemuda-pemuda Thai dan merusuh di kawasan Bukit Kayu Hitam baru-baru ini masih lagi dalam siasatan pihak Polis Daerah Jitra dan pihak Polis Daerah Sadau, Thailand.

Walau bagaimanapun, adalah dipercayai ianya berpunca dari perasaan marah penunggang-penunggang motosikal Thailand yang telah disaman oleh Pihak Polis Malaysia yang masuk ke kawasan Malaysia dengan tidak mematuhi undang-undang negara ini.

Untuk mengelakkan kejadian seumpama ini berlaku lagi, Kerajaan telah dan sedang mengawal keadaan dan suasana di sempadan dengan lebih ketat lagi.

Pihak Imigresen umpamanya telah dan sedang menjalankan pemeriksaan teliti ke atas rakyat Malaysia atau Thailand di pintu keluar-masuk Malaysia-Thai. Perkhidmatan teksi dan motosikal antara Kompleks Imigresen Bukit Kayu Hitam dengan Sempadan telah diberhentikan sama sekali.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapakah langkah-langkah keselamatan dan kawalan tidak diambil lebih awal bagi menjamin keadaan keselamatan di kawasan ini kerana pemuda-pemuda Thai yang menunggang motosikal masuk ke kawasan Malaysia lebih kurang 1 km. telah berlaku begitu lama terlebih dahulu.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, memang keadaan keselamatan dikawal selalu terutama sekali di sempadan Malaysia-Thai tetapi ini adalah satu perkara yang luar biasa yang telah berlaku dan pihak berkuasa telah pun mengambil tindakan untuk mengetatkan lagi kawalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

*(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Mutang Tagal tidak hadir)*

## PINJAMAN BUMIPUTERA— PERUNTUKAN BANK PERDAGANGAN

**6. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah wang peruntukan pinjaman yang dikhaskan kepada Bumiputera yang tidak dikeluarkan oleh Bank-bank Perdagangan dalam negara kita; yang dihantarkan ke Bank Negara. Apakah tindakan selanjutnya oleh Bank Negara terhadap peruntukan ini.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, satu daripada garis panduan pemberian pinjaman kepada sektor utama yang telah ditetapkan dalam tahun 1983 ialah setiap bank perdagangan dikehendaki memberi pinjaman sekurang-kurangnya 18 peratus kepada kaum Bumiputera daripada jumlah pinjamannya pada 31hb Disember, 1982.

Setiap bank perlu mencapai matlamat itu pada akhir tahun 1983. Berasaskan kepada keperluan minima ini, jumlah kumpulan wang yang perlu dipinjamkan oleh semua bank-bank perdagangan pada keseluruhannya kepada kaum bumiputera dalam tahun 1983 ialah sebanyak \$5,339.8 juta.

Pada akhir tahun 1983, jumlah kemudahan kredit yang telah diberi kepada kaum bumiputera ialah sebanyak \$8.815 juta yakni jumlah ini telah melebihi keperluan minima yang saya nyatakan tadi.

Walau bagaimanapun, dari segi pencapaian mengikut bank-bank, terdapat 3 buah bank perdagangan yang telah gagal mematuhi keperluan minima ini dan jumlah kurangan bagi bank-bank tersebut adalah sebanyak \$12.121 juta.

Bank-bank ini dikehendaki menyimpan wang sejumlah kekurangan ini selama setahun dengan Bank Negara di mana Bank Negara

pula telah menandatangani wang itu dalam lain-lain institusi kewangan untuk dipinjamkan bagi tujuan yang produktif.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Timbalan Menteri Kewangan tadi nyata bahawa pinjaman ini melebihi daripada 18% tetapi terdapat bank-bank perdagangan yang tidak memenuhi kehendak yang ditentukan oleh Bank Negara dan wang itu mesti didepositkan kepada Bank Negara. Jadi adakah yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak pinjaman bumiputera yang tidak diluluskan ini diberi dengan beberapa alasan yang tidak menasabah, dilambatkan sehingga setahun dua tahun projek yang hendak dibeli itu sudah ketinggalan dan adakah sebab pinjaman kepada bumiputera ini tak diluluskan atau dengan alasan yang banyak itu kerana bumiputera ini tak pandai memberi wang sogokan ataupun wang kopi di dalam proses untuk mendapatkan pinjaman. Jika benar, apakah tindakan pihak Kementerian, jika tidak, hendaklah disiasat, adakah soalan saya ini benar ataupun tidak.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan memanglah tidak sedar tentang wang sogokan ataupun wang kopi. Saya mengatakan tadi bahawa daripada \$5,339.8 juta kekurangan ialah hanya \$12.121 juta. Ini agak angka yang kecil. Daripada ketiga-tiga buah bank yang tidak menepati garis minima tadi—Southern Bank misalnya, hanya berupaya meminjamkan sebanyak 16.6% sedangkan paras minima yang dikehendaki 18%. United Overseas Bank ini memang sedikit sangat kekurangannya, cuma .6%, yakni memberikan 17.4% dan Bank of Tokyo memberikan pinjaman 16.8%, ertinya kurang 1.2% daripada minima 18%.

Walau bagaimanapun, bukanlah rasa saya pinjaman-pinjaman ini tidak diberi oleh sebab tidak ada sogokan dan sebagainya, barangkali ada sebab-sebab lain yang mana Kementerian Kewangan sendiri tidak mengetahui. Maka sebab itu telah beberapa kali di Dewan yang mulai ini juga saya katakan kalau sekiranya terdapat bank-bank yang sengaja tidak mahu memberi pinjaman kepada kaum bumiputera, Kementerian Kewangan sentiasa mengambil berat tentang perkara ini dan kita akan mengambil tindakan-tindakan yang tertentu seperti penalti yang kita kenakan terhadap bank-bank ini. Sudah tentulah kalau boleh bank itu mahu memberi pinjaman kepada pemohon-pemohon sebab penalti bagi kesalahan pertama, bank berkenaan terpaksa menandatangani wang kurangan tadi ke dalam Bank Negara, kita akan bayar kepada bank sebanyak hanya 5% dari segi interestnya. Kalau dia degil lagi, dia buat salah kali kedua, tak cukup lagi minima peratusan yang diberi tahun demi tahun dia terpaksa memasukkan ke dalam Bank Negara dan kita hanya akan membayar 2% sahaja interest kepada duit yang dimasukkan tadi. Kalau dia buat kesalahan kali ketiga, kita akan meminta dia memasukkan wang sejumlah kurangan tadi ke dalam Bank Negara dan kita tidak akan memberi sebarang faedah kepada bank berkenaan.

Jadi, saya percayalah sebagai Bank Perdagangan sudah tentulah mereka tidak mahu dipaksa memasukkan wang-wang ke dalam Bank Negara tanpa faedah. Saya percaya mereka mahu meminjamkan kalau sekiranya dengan pinjaman itu mendapat faedah-faedah tertentu, kepada syarikat mereka.

**Tuan Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Timbalan Menteri minta notis tetapi kalau boleh dia menjawab.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai angka berapakah jumlah bumiputera yang memohon pinjaman dan berapa angka, banyak yang telah diluluskan. Saya hendak tahu berapa banyak yang tidak diluluskan. Apakah sebab-sebabnya dengan peratusnya kerana tidak diluluskan. Selalunya yang diluluskan itu ialah pihak kepada pihak bumiputera yang berjaya sudah tentu mendapat collateral tetapi kalau ada bumiputera yang mohon pinjaman yang tidak ada mempunyai collateral walaupun business project yang hendak dicuba itu adalah mempunyai facilities yang sungguh menarik tetapi oleh sebab tidak ada kemudahan collateral, jadi tidak dapat diluluskan. Adakah pihak Timbalan Menteri mengetahui berapa jumlahkah dalam keadaan begini?

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis tentang angka-angka sebab saya tidak ada angka-angka yang tetap pada saya di sini, walau bagaimanapun, secara menyeluruhnya kita memang menerima beberapa surat yang dihantar kepada Kementerian membuat rayuan dan sebagainya kepada Kementerian kerana tidak dilayani oleh bank-bank yang tertentu di dalam usaha mereka mendapatkan pinjaman-pinjaman.

Dalam kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan kadangkala terdapat pinjaman-pinjaman yang telah tidak diluluskan oleh sebab tidak terdapat collateral yang berpatutan. Tetapi memangnya adakala tertentu sipemohon mempunyai collateral, sipemohon mempunyai kertaskerja-kertaskerja yang pada pandangan Kementerian Kewangan berpatutan tetapi bank-bank ini masih lagi tidak memberi pinjaman-pinjaman. Di dalam hal-hal demikian dengan bantuan Kementerian Kewangan kadangkala perkara-perkara ini dapat

kita selesaikan dan pemohon-pemohon kalau mulanya ditolak mungkin ditimbang semula dan diberi pinjaman oleh bank-bank yang kita beri bantuan tadi.

#### **TABUNG AMANAH PELAJAR-PELAJAR SEBERANG LAUT—DERMA DARI FIRMA BRITISH**

**7. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimana wang sebanyak \$1.5 juta yang diderma oleh firma-firma British yang mempunyai kepentingan di Malaysia untuk membantu pelajar-pelajar Malaysia di United Kingdom yang terjejas oleh bayaran yuran yang tinggi telah diperuntukkan dengan memberikan angka-angka mengikut perpecahan kaum jumlah pelajar-pelajar yang telah berfaedah daripadanya dan juga amaunnya.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini memanglah benar Kerajaan Malaysia ada menerima sumbangan dari pihak British Malaysian Industry and Trade Association (BMITA) sebanyak \$1.5 juta untuk dimasukkan ke dalam Tabung Amanah Pejabat pelajar Seberang Laut. Tujuan sumbangan itu ialah untuk menolong dan membantu pelajar-pelajar khususnya di United Kingdom yang terlibat dengan kenaikan yuran pengajian pada tahun 1982. Sumbangan itu memanglah memberi manfaat yang besar kepada pelajar-pelajar Malaysia yang begitu ramai yang sedang mengikuti pengajian dari A Level hinggalah kepada kursus Ph.D.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar peruntukan ini telah diberikan kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam bentuk pinjaman. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar yang memohon

pinjaman untuk bayaran yuran pengajian mestilah mempunyai syarat-syarat yang layak untuk memohon pinjaman tersebut. Di antara syarat-syarat tersebut ialah:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) tidak menerima apa-apa bantuan dalam bentuk pinjaman atau biasiswa dari mana-mana pihak;
- (c) pendapatan ibubapa, penjaga tidak lebih daripada \$1,500 sebulan;
- (d) mengikut kursus under-graduate atau post-graduate yang diiktiraf oleh Kerajaan di sesebuah institusi di negara tersebut dan yang berfaedah kepada negara Malaysia; dan
- (e) yang mempunyai rekod kemajuan akademik yang baik.

Mengenai angka-angka mengikut pecahan kaum dan jumlah pinjaman yang diberi adalah seperti berikut:

Melayu .. ..	19 orang
Cina .. ..	331 ..
India .. ..	106 ..

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan hingga kini ialah \$1 juta.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di samping derma firma British, adakah derma tertentu juga diberikan oleh Kerajaan British sendiri untuk tujuan yang sama. Jika ya, apakah jumlahnya setahun khususnya tahun ini dan apa angka-angka mengikut perpecahan kaum pelajar-pelajar yang telah berfaedah.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan yang di-Pertua, setakat ini sejauh yang saya tahu belum dan oleh kerana itu soalan-soalan selanjutnya tidaklah timbul.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri tadi memberikan angka-angka pecahan, Melayu hanya 19, Cina 331 dan India 106. Kenapa Melayu ini 19 sahaja, sedikit sangat. Dan yang kedua, saya difahamkan bahawa pinjaman-pinjaman ini kepada mereka yang telah pun yang sudah tamat. Kedudukannya dari segi pinjaman ini adakah diberi terus atau dibayar balik?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, angka ini adalah berasas kepada mereka yang benar-benar memohon dan berasas kepada syarat-syarat yang telah ditentu. Jadi, setakat ini Kementerian mendapati dan inilah yang memohon dan inilah telah diberi. Dan sememangnya kita berusaha dan telah pun berusaha untuk menentukan supaya apa yang telah dipinjamkan kepada mereka akan dibayar balik oleh mereka.

#### BANK/SYARIKAT KEWANGAN—KADAR FAEDAH PINJAMAN

**8. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan bertindak cepat apabila hendak menaikkan kadar faedah pinjaman tetapi enggan berbuat demikian bagi menaikkan kadar faedah ke atas pencaruman (deposit) yang dibuat oleh penyimpan-penyimpan dan nyatakan adakah Bank Negara Malaysia akan mengarah supaya semua bank dan syarikat kewangan di masa hadapan melakukan keadilan dengan segera menaikkan kadar ke atas simpanan oleh penyimpan-penyimpan sebaik-baik sahaja kadar pinjaman oleh Bank dinaikkan.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, memang benarlah mengikut pengalaman yang ada pada masa ini

kita dapati bahawa kadar faedah pinjaman yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan adalah lebih cepat bergerak ke atas apabila terdapat kenaikan dalam kos kumpulanwang bank tersebut, tetapi agak lambat turun apabila kos kumpulanwangnya menurun. Walau bagaimanapun, keadaan ini telah bertambah baik sedikit sejak kebelakangan ini. Pergerakan dalam kadar faedah pinjaman pada masa ini adalah lebih sejajar dengan pergerakan dalam kadar faedah simpanan. Contohnya, dalam bulan Jun baru-baru ini, Bank Bumiputra Malaysia Bhd dan Malayan Banking Bhd telah menaikkan kadar-kadar faedah simpanan mereka dengan margin yang lebih tinggi iaitu antara 1% sehingga 1.7% apabila kadar faedah pinjaman asas mereka dinaikkan sebanyak 0.5%. Kadar faedah pinjaman asas ini dalam bahasa Inggerisnya, base lending rates.

### PASPORT ANTARABANGSA RAKYAT MALAYSIA DIRAMPAS

**9. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang mana paspot antarabangsa mereka telah dirampas sehingga akhir bulan Mei, 1984 kerana membuat lawatan yang tidak disahkan ke Negeri China, berapa banyak kes yang sedang dalam siasatan bagi tempoh yang sama, apakah jalan untuk merayu dan sama ada kementerian sedar bahawa tindakan ini terlalu keras. Apakah langkah yang akan diambil untuk menyegerakan proses permohonan Cap Khas (special endorsement) bagi mereka yang ingin melawat China.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan paspot Malaysia yang ditarik balik dengan kesalahan pemegang membuat lawatan ke Republik Rakyat China

tanpa kebenaran khas dari Kerajaan sehingga sekarang ialah 155 buah dan 123 kes lagi masih disiasat. Tindakan telah diambil oleh Kementerian Dalam Negeri seperti menarik balik dokumen-dokumen perjalanan dari mereka yang terlibat dan kemudahan perjalanan-perjalanan keluar negeri tidak akan diberi kepada yang terlibat untuk tempoh lima tahun.

Kerajaan telah memberi kemudahan yang cukup dan masa yang sesuai untuk rakyat Malaysia mendapat kebenaran khas bagi membolehkan mereka melawat Republik Rakyat China. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang membenarkan mereka yang terlibat dalam kesalahan ini untuk merayu bagi mengendur tindakan ke atas mereka.

Bagi permohonan untuk lawatan ke Republik Rakyat China yang lengkap keterangannya tempoh pemerosesan tidak memakan masa lebih dari satu bulan. Cara pemerosesan yang diamalkan oleh Kementerian Dalam Negeri sekarang adalah memuaskan.

**Tuan Haji Azaharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan bercadang mengadakan hukuman denda atau tahanan bagi soal siasat sepertimana langkah yang dijalankan oleh negara-negara lain. Kerana lawatan yang tidak sah bukan sahaja dirampas tetapi mesti dilaksanakan sebagaimana negara-negara lain menjalankan hukuman.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, buat sekarang ini tidak ada cadangan Kerajaan untuk menghukum mereka yang telah didapati berbuat salah, hanya menarik balik dokumen-dokumen perjalanan mereka dan menahan perjalanan keluar negeri untuk tempoh selama lima tahun. Walau bagaimanapun, perlu saya jelas di sini bahawa mereka yang terdapat membuat kesalahan

boleh diambil tindakan untuk melucutkan kerakyatannya mengikut Perlembagaan Negara.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa 155 kalau tidak salah saya telah dirampas. Jadi, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu apakah sebab-sebab mereka pergi ke negeri China itu tidak mahu disahkan pasport mereka oleh pihak Kerajaan, adakah kerana sesuatu sebab yang tertentu?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, amatlah sukar bagi saya menjawab soalan itu untuk menyatakan dengan tepatnya sebab-sebab kenapa mereka tidak melalui saluran-saluran yang tertentu untuk mendapat kelulusan melawat Republik Rakyat China. Tetapi terdapat juga kes-kes di mana pelawat-pelawat Malaysia yang pergi ke negara Hong Kong mengambil kesempatan untuk melawat Republik Rakyat China melalui jalan belakang, dengan izin.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bilangan permohonan cap khas (special endorsement) ini akan bertambah pada masa akan datang memandangkan satu persetujuan yang telah dibuat di antara negara Republik Rakyat China dan Malaysia. Oleh hal yang demikian, adakah Kementerian yang berkenaan dapat menentukan bahawa ada cukup kakitangan bagi memproses semua permohonan yang dibuat.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan daripada awal tadi pemerosesan untuk mendapatkan kebenaran ini tidak melebihi dari satu bulan dan Kerajaan sedar bahawa mungkin terdapat banyak lagi

permohonan untuk melawat Republik Rakyat China dan bukanlah menjadi hasrat Kerajaan untuk menahan mereka melawat asalkan mereka memenuhi syarat-syarat yang tertentu.

## SISTEM KURIKULUM BARU SEKOLAH RENDAH

**10. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada tujuan sistem K.B.S.R. yang dilancarkan baru-baru ini ialah untuk mengurangkan penggunaan buku teks yang mana didapati bagi tahun pertama hanya dua sahaja iaitu Ugama dan Matematik. Terdapat banyak buku-buku kerja di dalam pasaran yang digunakan oleh guru-guru di bilik-bilik darjah pada masa ini. Dan di peringkat kedua K.B.S.R. iaitu Darjah 3, 4, 5 dan 6 terdapat tidak kurang daripada 10 bidang pelajaran. Tidakkah ini membebankan keupayaan murid-murid demi untuk mendapat hasil yang memuaskan dari sistem K.B.S.R.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya kurikulum baru sekolah rendah bertujuan untuk mengurangkan penggunaan buku teks kerana kurikulum baru sekolah rendah adalah menekankan penanaman kemahiran asas 3M pada tahap pertama dan penggunaan kemahiran asas tersebut untuk mendapatkan ilmu pengetahuan pada tahap kedua. Kementerian Pelajaran ada membekalkan lembaran kerja untuk meringankan beban guru. Buku-buku kerja yang ada dalam pasaran memang baik untuk digunakan oleh para guru bagi mengukuh dan mempertajamkan kemahiran murid-murid.

Untuk tahap kedua K.B.S.R. iaitu dari tahun 4 hingga tahun 6 hanya 6 pelajaran sahaja yang menggunakan

buku teks iaitu bahasa pengantar Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Ugama Islam, moral, alam dan manusia. Kementerian Pelajaran percaya ini tidak akan membebankan murid kerana mereka sudah besar dan boleh membaca dan memahami kandungan buku-buku yang mereka bawa setiap hari. Sebaliknya ini akan menjamin hasil yang lebih memuaskan dari kurikulum baru sekolah rendah.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menyebabkan keupayaan murid-murid ini ada guru-guru juga dibebankan dengan tugas yang begitu berat bagi menyediakan peralatan mengajar, persediaan ini disediakan oleh guru-guru sendiri bukan pihak Kementerian Pelajaran atau Jabatan Pelajaran. Soalnya, adakah Kerajaan bercadang menukarkan sistem K.B.S.R. kepada satu sistem yang lebih bermutu iaitu lebih baik lagi serta berkesan?

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saudara Yang Berhormat sebutkan tadi ialah satu minat dan satu inisiatif guru itu sendiri dan ini kita sanjung tinggi. Dan untuk mengubah sistem ini menjadi satu sistem yang baru belum ada niat Kerajaan pada masa ini dan untuk menentukan supaya sistem ini berjalan dengan lancar dan licin Kerajaan sentiasa mengkaji dari masa ke semasa.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di dalam pasaran terdapat banyak jenis buku-buku rujukan untuk K.B.S.R. dan ibubapa-ibubapa yang berkemampuan pun terburu-buru untuk membeli buku-buku ini, maka ini telah mengakibatkan bahawa keluarga-keluarga yang mundur akan ketinggalan tidak mampu membeli

buku-buku ini. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil apa-apa langkah untuk mengatasi masalah ini termasuk memberi subsidi kepada keluarga yang mundur.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, hajat untuk memberi subsidi belum ada. Tetapi sebagaimana saya sebutkan tadi Kerajaan sentiasa mengkaji, meneliti akan perjalanan sistem ini dan memerhati akan kelemahan-kelemahan kalau ada dan akan sentiasa dari masa ke semasa untuk membaikinya, insya Allah.

### ANGKASA—PUNGUTAN WANG DARI KOPERASI

**11. Wan Ibrahim Abdullah** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat kerjasama sejak Kerajaan memaksa syarikat-syarikat kerjasama menyerahkan soal pungutan wang syarikat kepada Biro Perkhidmatan Angkasa dan sejauh manakah kejayaan dari segi Perkembangan syarikat-syarikat yang dicapai hasil daripada sistem ini dijalankan;
- (b) adakah Menteri sedar bahawa sebuah syarikat yang membuat pungutan sebanyak \$400,000 sebulan terpaksa membayar \$4,000 sebulan kepada Biro Perkhidmatan Angkasa kerana bayaran khidmat yang juga bererti antara 25% ke 30% keuntungan sebuah syarikat pada tiap-tiap tahun masuk ke saku BPA; dan
- (c) berapakah jumlah wang yang telah disumbangkan oleh syarikat-syarikat kerjasama kepada Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) bagi tahun 1982 dan 1983 bagi Semenanjung

Malaysia dan apakah pula sumbangan yang diberikan oleh BPA atau Angkasa kepada syarikat-syarikat kerjasama yang tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Untuk menghindarkan salah faham yang timbul dari perkara ini, sukalah saya jelaskan bahawa Kerajaan tidak memaksa mana-mana Koperasi Jimat Cermat dan Pinjam Meminjam Wang Kakitangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun bagi menggunakan perkhidmatan potongan gaji yang diberikan oleh Biro Angkasa. Perkhidmatan potongan gaji dahulunya diberi secara percuma oleh Kerajaan terpaksa diberhentikan atas sebab bebankerja kian bertambah. Dengan terhentinya perkhidmatan tersebut sepertimana dijelaskan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4/1976 maka terpulanglah kepada koperasi-koperasi berkenaan membuat persiapan-persiapan secara bersendirian bagi mendapatkan segala yuran, saham dan ansuran-ansuran pinjaman daripada ahli-ahli mereka. Di saat-saat akhir sebagai satu usaha untuk menolong koperasi-koperasi yang berkenaan maka Angkasa sebagai sebuah badan induk koperasi dengan persetujuan pihak Perbendaharaan Malaysia menawarkan perkhidmatannya. Perkhidmatan tersebut tidaklah dapat diberikan secara percuma sepertimana yang diberikan oleh Kerajaan dahulu kerana dalam mengendalikan urusan

potongan yang melibatkan 261 buah koperasi dan ahli-ahli perseorangan yang seramai 345,585 orang, pihak Angkasa perlu menggunakan sebuah komputer dan mengambil kakitangan-kakitangan yang cukup untuk menjamin perkhidmatan yang diberikan itu memuaskan. Selain dari itu Angkasa juga perlu menyewa pejabat yang sesuai. Memandangkan bahawa pihak Angkasa perlu menanggung semua beban perbelanjaan maka Angkasa menetapkan tiap-tiap koperasi yang hendak menggunakan perkhidmatannya membayar 1% atas semua potongan yang dikendalikan. Biro Perkhidmatan Angkasa buat masa ini mengendalikan potongan bulanan berjumlah hitung panjang \$26 juta.

Kementerian saya berkeyakinan bahawa jika pihak Angkasa tidak dapat mengadakan perkhidmatan ini ada kemungkinan sebahagian besar daripada koperasi-koperasi yang terlibat tidak dapat berjalan dengan sempurna dan seterusnya perkhidmatan kepada ahli-ahli akan turut terjejas. Adalah diperhatikan melalui kerjasama di antara Perbendaharaan, Angkasa dan koperasi-koperasi berkenaan maka Kementerian ini berpuas hati koperasi-koperasi berkenaan dapat memberi khidmat dengan baik kepada ahli-ahli dan seterusnya perkhidmatan ini kian meningkat dan berkembang.

- (b) Kementerian ini memang mengetahui bahawa tiap-tiap koperasi yang menggunakan perkhidmatan Angkasa perlu membayar 1% atas jumlah potongan dibuat.

Kementerian juga sedar bahawa jika sekiranya pihak Angkasa tidak memberi perkhidmatan ini ada kemungkinan koperasi-koperasi yang berkenaan akan menghadapi kekurangan pendapatan dan terus akan mengalami kerugian dalam operasi mereka. Ini ialah kerana segala pinjaman yang dikeluarkan tidak dapat dikutip daripada ahli-ahli mereka. Jabatan Pembangunan Koperasi ada juga membuat kajian atas beberapa buah koperasi berkaitan dengan implikasi dalat yang dikenakan atas perkhidmatan Angkasa. Hasil dari kajian yang dibuat atas beberapa buah koperasi adalah didapati peratus dalat yang dibayar jika dibandingkan dengan keuntungan yang diperolehi adalah berbeza di antara koperasi dengan sebuah koperasi yang lain. Peratus dalat atas keuntungan secara keseluruhan adalah didapati antara 2% hingga 7% sahaja. Dengan yang demikian, saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat mengatakan 25% hingga 30% keuntungan sesebuah syarikat masuk ke saku Angkasa adalah tidak begitu tepat.

- (c) Biro Angkasa telah menerima bayaran perkhidmatan sebanyak \$1,007,795 bagi tahun 1982 dan sebanyak \$2,206,497 bagi tahun 1983 dari koperasi-koperasi yang mendapat kemudahan potongan gaji dari Biro. Bayaran perkhidmatan ini tidaklah boleh dianggap sebagai satu sumbangan kerana bayaran ini dikenakan atas satu-satu perkhidmatan tertentu yang diberikan oleh Biro Angkasa.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen, adakah dia sedar bahawa Kerajaan tidak menyediakan suatu pilihan (alternative) kepada siaran Kementerian yang memberhentikan usaha menolong koperasi memotong wang koperasi daripada kakitangan ataupun daripada ahli-ahlinya yang dengan itu menyebabkan apa yang disebut sebagai sukarela tadi adalah merupakan suatu sukarela paksa kepada koperasi-koperasi.

Yang kedua mengenai Angkasa telah memungut dalam tahun 1982 lebih kurang \$1.7 juta dan tahun 1983 \$2.2 juta. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan ini bukanlah merupakan sumbangan tetapi merupakan upah perkhidmatan. Setahu saya Angkasa ditubuhkan adalah kerana . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak boleh memberi ucapan, Yang Berhormat dikehendaki bertanya.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Soalan yang kedua tadi saya minta adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa tertubuhnya Angkasa itu adalah semata-mata untuk memberi pertolongan dan sumbangan kepada pertumbuhan koperasi di dalam negara ini?

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi bahawa Biro Angkasa ini melaksanakan tugas-tugasnya sebagai satu khidmat kepada koperasi-koperasi. Koperasi-koperasi tidak dipaksa untuk menggunakan khidmat Biro ini dan sebagai bayangan kepada khidmat yang diberikan oleh Angkasa, sukalah saya menyatakan bahawa bagi tahun 1982 jumlah yang dikutip ialah \$1,007,795 tetapi perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh Angkasa ialah

\$1,211,295. Ini bermakna bahawa Angkasa terpaksa menanggung kerugian sebanyak \$203,500 dan bagi tahun 1981 Angkasa juga menanggung kerugian sebanyak \$110,260. Hanyalah bagi tahun 1983 kutipan yang dibuat ialah \$2,206,497 tetapi perbelanjaan hanyalah \$1,475,211. Ini bermakna bagi tahun 1983 kelebihan pendapatan daripada perbelanjaan ialah \$731,286 dan untuk ini Angkasa akan cuba di masa-masa yang akan datang ini untuk memperbesarkan lagi set computer yang dipunyai oleh Angkasa untuk memberikan ataupun menambahkan jenis-jenis perkhidmatan kepada koperasi-koperasi yang ada di negara kita ini.

#### KERAKYATAN—PENGGUNAAN SIJIL KELAHIRAN ORANG LAIN

12. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Yang Berhormat Menteri akan membuat penyiasatan yang rapi dan berkesan ke atas berita-berita yang menyatakan terdapat berlakunya penggunaan "Pendaftaran Surat Beranak" orang lain yang sudah pun meninggal kepada orang lain yang dibawa masuk secara haram di Pulau Ketam khususnya dan di tempat-tempat lain amnya;
- (b) setakat ini sejauh manakah penerangan telah dibuat oleh pihak Kementerian kepada pemohon-pemohon untuk menjadi warganegara iaitu permohonan mereka boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan sahaja dan bukanlah semestinya diluluskan oleh Kerajaan; dan
- (c) adakah Yang Berhormat Menteri sedar terdapat pemohon-pemohon telah

meminta perkara ini diperbesarkan oleh pihak-pihak tertentu dan apakah langkah Kerajaan untuk menyasiat perkara ini supaya permohonan mereka lebih mudah ditolak kerana mereka menggunakan saluran yang salah hanya semata-mata untuk mencapai hasrat mereka.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan menyasiat dengan rapi setiap laporan atau kenyataan mengenai penggunaan Sijil-sijil Kelahiran orang-orang yang telah meninggal dunia oleh sesiapa juga dengan tujuan untuk membawa masuk secara haram orang-orang asing ke Malaysia.

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memberi penerangan kepada pemohon-pemohon taraf kerakyatan bahawa permohonan mereka hanya boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan dan bukan suatu kelulusan. Hakikat ini telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Malaysia.

Bagi menjawab soalan yang ketiga, saya tidak sedar. Walau bagaimanapun Kementerian Dalam Negeri akan menimbangkan setiap permohonan taraf kerakyatan dengan penuh teliti bagi menjamin bahawa mereka yang benar-benar layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Perlembagaan sahaja akan mendapat kemudahan ini. Setiap permohonan akan dipertimbangkan mengikut kelayakannya.

#### MEMBUNYIKAN HON KERETA

13. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa membunyikan hon kereta adalah tidak dibenarkan berhampiran dengan hospital kerana ia akan

mengganggu pesakit-pesakit, tetapi pada masa sekarang bunyi jentera bas dan lori yang menggunakan jalan yang berhampiran dengan hospital adalah lebih bising daripada hon, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya adalah menjadi kesalahannya jika sesebuah kenderaan bermotor terlampau atau keterlaluan bising bunyinya. Tindakan memang diambil terhadap kenderaan-kenderaan yang didapati seperti ini di seluruh negara.

Jabatan Pengangkutan Jalan bersama-sama dengan Polis Di Raja sentiasa membuat kajian dan sukatan mengenai bunyi bising berlebihan kepada semua jenis kenderaan termasuk motosikal-motosikal supaya peruntukan Undang-undang Lalu Lintas mengenai had bunyi bising akan dipatuhi. Dalam pada ini kenderaan-kenderaan perdagangan perlu diperiksa 6 bulan sekali untuk menentukan kesesuaiannya untuk digunakan di jalan raya. Semasa pemeriksaan ini diadakan, pemeriksaan bunyi bising juga diadakan.

Adalah perlu bahawa had bunyi bising dikurangkan bukan sahaja berdekatan hospital akan tetapi juga di seluruh kawasan di bandar-bandar dan pekan-pekan dan saya berharap bahawa pemandu-pemandu kenderaan akan memberi kerjasama yang sepenuhnya dalam usaha-usaha ini.

**Tuan Haji Azharul bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kereta, lori dan sebagainya apabila diperiksa (check) mereka menekan minyak sedikit sahaja tetapi apabila melalui hospital, masjid semasa orang hendak sembahyang dan sekolah-sekolah di situlah mereka menekan sekuat-kuatnya. Adakah satu tanda lain yang disediakan bagi

mengurangkan tekanan minyak sewaktu menempuh di ketiga-tiga tempat ini?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, jikalau mereka sebenarnya hendak buat demikian, saya pun susah hendak mencegah mereka buat demikian, tetapi dekat hospital-hospital biasanya ada tanda-tanda di mana katanya kurangkan bising dekat hospital. Tetapi jikalau mustahak kita hendak buat kajian tentang masjid-masjid, masalah ini akan ditimbang.

#### KILANG BAJA KIMIA DI BINTULU

**14. Tuan Ling Sie Meng** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah pembinaan kilang baja kimia di Bintulu, Sarawak akan disiapkan, jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk membina kilang tersebut; dan
- (b) berapakah peluang-peluang pekerjaan kilang tersebut dapat diberi kepada penduduk-penduduk tempatan.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, loji ammonia/urea ASEAN-Bintulu Fertilizer (ABF) di Bintulu dijangka akan siap dan mula beroperasi dalam bulan Oktober 1985. Menurut anggaran belanjawan ABF untuk Tahun Kewangan 1984/1985, jumlah kos pembinaan loji ammonia/urea tersebut dianggarkan sebanyak \$773.6 juta.

Apabila ianya beroperasi, loji ABF tersebut dijangka akan memerlukan seramai 449 orang kakitangan. Walaupun ABF pada ketika ini tidak dapat menentukan jumlah pekerjaan yang akan ditawarkan kepada penduduk tempatan Sarawak, tetapi adalah menjadi dasar syarikat tersebut untuk memberikan keutamaan

seberapa yang boleh kepada penduduk-penduduk tempatan Sarawak yang berkelayakan.

### INTEGRASI PENDUDUK MALAYSIA TIMUR-BARAT

15. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengeratkan lagi hubungan antara penduduk-penduduk Malaysia Timur dan Malaysia Barat kerana masih lagi terdapat perselisihan faham antara mereka.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Lubok Antu yang hampir sama dengan soalan ini telah dijawab dalam Dewan ini pada 20hb Julai, 1984. Walau bagaimanapun adalah tidak benar bahawa terdapat perselisihan faham antara penduduk Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak.

### ISIRUMAH SETINGGAN

16. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan pernah menjalankan suatu kajian peringkat nasional untuk menentukan jumlah isirumah setinggan yang tinggal atas tanah swasta atau Kerajaan di seluruh Malaysia dan jika ya, beri angka-angka, jika tidak, mengapa; dan
- (b) tidakkah Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah jawatankuasa kebangsaan yang penuh berkuasa untuk merumus serta melaksanakan suatu program kebangsaan untuk menyelesaikan masalah sosial setinggan tanah menerusi langkah-langkah keperikemanusiaan seperti menempatkan semula setinggan-setinggan tulen.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada menjalankan kajian di peringkat nasional bagi menentukan bilangan setinggan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan pernah mengutip maklumat secara tidak rasmi dari masa ke semasa untuk maksud-maksud dan kawasan-kawasan tertentu, misalnya menentukan bilangan setinggan yang terlibat dalam projek-projek pembangunan di Wilayah Persekutuan bagi maksud perancangan.

Pada masa ini tidak ada ditubuhkan sebuah jawatankuasa di peringkat nasional bagi merumus dan melaksanakan program untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh setinggan. Sungguhpun jawatankuasa seperti itu tidak wujud, dasar-dasar umum dan langkah-langkah perikemanusiaan mengenai setinggan pernah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai langkah-langkah mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Di antara lain, setinggan yang terlibat dalam projek pembangunan yang terpaksa dipindahkan akan diberi pilihan tapak yang lain, dipindahkan ke rumah-rumah sementara, ditawarkan rumah-rumah kos rendah Kerajaan yang diberi bayaran ganti rugi. Pada umumnya dasar serta langkah-langkah di atas dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat.

### KELAPA SAWIT DAN MINYAK KELAPA SAWIT—HARGA

17. **Tuan Yahya bin Haji Zakaria** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan tindakan yang akan diambil bagi menstabilkan harga kelapa sawit dan minyak kelapa sawit.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, minyak kelapa sawit Malaysia merupakan

salah satu lebih daripada 20 jenis minyak dan lemak yang bersaing sengit di antara satu dengan lain dalam sektor minyak dan lemak dunia. Sektor ini adalah di antara yang paling kompleks di dalam sistem ekonomi dan perdagangan dunia memandangkan terdapatnya berbagai jenis minyak dan lemak yang bersaing. Perbezaan di dalam keanjalan pengeluaran dan penawaran di antara bahan-bahan tersebut, tahap tukar ganti yang tinggi di kalangan bahan-bahan tersebut dalam keadaan harga dan permintaan dan sentiasa turun naik.

Berdasarkan kepada kompleksnya sektor minyak dan lemak ini dan juga masalah penyimpanan dan kemerosotan mutu yang turut dialaminya adalah didapati bahawa penggunaan mekanisme-mekanisme conventional seperti stok penimbal, quota eksport dan pertumbuhan pengeluaran adalah tidak sesuai dan praktikal untuk tujuan menstabilkan harga bahan-bahan minyak dan lemak. Justeru itu usaha-usaha kita untuk memantapkan harga kelapa sawit dan minyak kelapa sawit adalah tertumpu kepada langkah-langkah meningkatkan daya dan mutu pengeluaran, menambahkan pemerosesan tempatan, meningkat dan meluaskan pasaran serta memesatkan pelaksanaan program penyelidikan dan kemajuan yang dinamik lagi berkesan.

Di dalam hubungan ini, kejayaan membuat disel dari minyak kelapa sawit yang dicapai baru-baru ini boleh dianggap sebagai penemuan satu mekanisme pengstabilan harga yang berkesan bagi minyak kelapa sawit Malaysia di mana bahan-bahan tersebut boleh dijadikan disel jika harga pasarannya meleset berterusan di bawah paras yang tertentu.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:**  
Terima kasih di atas jawapan sulung Timbalan Menteri Perusahaan Utama

ini. Soalan tambahannya, tentulah Kementerian ini sedar bahawa kelapa sawit merupakan satu hasil utama pada negara kita sekarang di mata dunia. Tetapi adakah Kementerian itu sedar, saya berikan angka kasar tentang harga mentah buah kelapa sawit. Dalam bulan Januari hingga Mei, harga buah kelapa sawit adalah sebanyak \$450 semetrik tan, sehingga bulan Mei telah jatuh kepada \$300 dan bulan Jun hingga Julai ini harganya telah turun ke paras \$180 atau \$170. Jadi penaikan yang mengejut dan penurunan yang mengejut ini adalah sangat-sangat dirasai oleh pengusaha-pengusaha sama ada ladang atau pekebun kelapa sawit dan juga peniaga-peniaga kelapa sawit. Soalannya apakah tindakan Timbalan Menteri untuk menstabilkan harga ini supaya kenaikan dan penurunannya jangan berlaku seperti ini.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Tuan Yang di-Pertua, harga kelapa sawit bergantung kepada keadaan pasaran dunia. Bagaimanapun kalau kita lihat keadaan kedudukan harga minyak kelapa sawit Malaysia yang lebih kempetatif jika dibanding dengan lain-lain minyak sayuran yang menjadi persaingan khusus ialah minyak kacang soya. Ketika ini harga minyak kelapa sawit Malaysia di pasaran antarabangsa adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan minyak persaingan yang lain. Dengan sebab itu, permintaan dunia terhadap minyak kelapa sawit akan bertambah di masa-masa yang akan datang dan dengan secara tidak langsung harganya dapat dipertingkatkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 5 dan 18 hingga 50 adalah diberi di bawah ini).*

## SEKOLAH ASRAMA PENUH DI SABAH

2. Tuan Hassan Alban bin Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan ada berapa buahkah sekolah-sekolah yang berasrama penuh di Sabah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Di Sabah cuma ada sebuah sekolah berasrama penuh setakat ini.

## GETAH ASLI—KEPERLUAN

5. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan keperluan getah asli meningkat di seluruh dunia menjelang tahun 1990 (kira-kira 5 juta ton berbanding dengan 3.3 ton dalam tahun 1983), apakah rancangan Kerajaan dalam jangka masa panjang bagi menentukan kedudukan Malaysia sebagai pengeksport getah asli nombor satu dapat dikekalkan; berhubung dengan ini, apakah Kerajaan bercadang menanam getah secara besar-besaran di Sarawak supaya kedudukan ini dapat kita kekalkan jika tidak mengapa.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Memandangkan permintaan getah asli dunia akan meningkat dalam jangkamasa sederhana dan panjang langkah-langkah sedang dan akan diambil untuk memenuhi permintaan ini seperti berikut:

- (a) Memberi penekanan kepada aspek produktiviti dan pengeluaran secara komersial melalui usaha-usaha penyelidikan yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran di samping menentukan keteguhan kedudukan getah asli di masa hadapan.
- (b) Usaha-usaha terus dilaksanakan ke arah pemindahan teknologi secara berkesan, bagi

menentukan hasil-hasil penyelidikan boleh dinikmati oleh pengeluar-pengeluar terutama pekebun-pekebun kecil. Bagi tujuan ini satu Jawatankuasa pemindahan teknologi telah ditubuhkan semenjak tahun 1981 dengan dianggotai oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), RISDA dan Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia bagi melaksanakan program untuk memindah teknologi kepada pekebun-pekebun kecil.

- (c) Rancangan penanaman semula terus dipergiatkan supaya tanah getah dapat ditanam dengan kelon-kelon baru yang berpenghasilan tinggi serta mempunyai jangka masa belum matang yang paling singkat. Di samping itu pekebun-pekebun kecil adalah digalakkan menggunakan amalan agronomik dan pengurusan kebun yang lebih baik serta teknologi moden yang sudah pun dimajukan seperti teknik penorehan dan penggunaan penggalak susu.
- (d) Usaha-usaha pembukaan kawasan tanah baru bagi penanaman getah diteruskan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA), Sarawak Land Development Board dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri di samping penyertaan oleh sektor swasta.
- (e) Langkah-langkah fiskal dikaji dari masa ke semasa dan pengurangan duti eksport merupakan langkah penting Kerajaan untuk menggalakkan penanaman getah. Dalam

Belanjawan tahun 1984, duti eksport getah telah diperbaiki lagi dengan kenaikan paras harga "threshold" dari 170 sen sekilo kepada 180 sen sekilo. Di samping itu asas pengiraan duti juga telah diubahsuaikan kepada pembaikan dua gred sahaja dan selain daripada mengurangkan pembayaran duti eksport, pengubahsuaian yang baru ini memudahkan dan melicinkan perdagangan dan eksport getah serta juga memudahkan pentadbiran Kastam dan mengelakkan "under declaration".

Mengenai soalan sama ada Kerajaan bercadang menanam getah secara besar-besaran di Sarawak, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan negeri mempunyai rancangan meluaskan tanaman getah seperti yang telah diperuntukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat dan Kelima.

#### **PERTANIAN DI PULAU SUNGAI KELUANG**

**18. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa air masin adalah masalah utama kepada petani-petani di Pulau Sungai Keluang dalam Daerah Larut dan Matang. Jika sedar, adakah beliau bercadang untuk membina ban demi keperluan pertanian di Pulau tersebut.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Kerajaan sedar tentang masalah air masin yang melanda kawasan pertanian tepi pantai di Pulau Pasir Hitam/Sungai Keluang dalam Daerah Larut dan Matang, Perak. Bagi maksud mengatasi masalah ini, suatu projek saluran lengkap dengan ban pekeliling perlu dibina yang dianggarkan berharga \$2.3 juta. Pelaksanaan projek ini tertakluk kepada keutamaan dan juga kemampuan kewangan Kerajaan.

#### **OPERASI ISI PENUH**

**19. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kekosongan kerja yang telah dipenuhi di bawah Operasi Isi Penuh dan sumbangan Operasi ini kepada usaha penyusunan semula pekerjaan di sektor awam. Mengapakah Operasi ini diberhentikan, dan apakah garis-garis panduan baru yang telah digunakan selepasnya untuk mengambil kakitangan-kakitangan yang baru, dan berapakah pekerjaan-pekerjaan yang telah dibeku setelah Operasi ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohd. Khalil bin Yaakob):** Bilangan kekosongan yang telah dipenuhi melalui Operasi Isi Penuh atau OIP ialah 44,571. OIP dilaksanakan untuk mempercepatkan pengisian kekosongan jawatan, dan masih lagi berjalan. Biarpun ada arahan pembekuan jawatan, namun demikian jawatan-jawatan kosong yang difikirkan perlu dipenuhi menerusi OIP ini.

#### **DASAR PERTANIAN NEGARA**

**20. Tuan Khadri bin Sabran** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh berbagai-bagai kementerian dan agensi-agensi yang terlibat di dalam menyelaraskan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Kerajaan telah pun menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Dasar Pertanian Negara (Peringkat Pegawai) untuk menyelaraskan penyediaan dokumen-dokumen terperinci Dasar Pertanian Negara (DPN). Dokumen-dokumen terperinci Dasar Pertanian Negara ini telah pun siap disusun dan ianya mengandungi dasar, matlamat, strategi dan program bagi tiap-tiap satu tanaman/ternakan/komoditi. Untuk melaksanakan Dasar Pertanian Negara, Jabatan/Agensi akan

menggunakan dokumen-dokumen terperinci ini sebagai panduan. Selain dari ini, Jawatankuasa Penyelarasan Dasar Pertanian Negara juga sedang menyediakan Buku Kecil Dasar Pertanian Negara. Buku Kecil ini sebenarnya merupakan ringkasan kepada dokumen-dokumen terperinci DPN. Ianya akan dicetak dan diedarkan untuk makluman orang ramai.

Perlu dinyatakan bahawa penggubalan program-program dan matlamat DPN mengikut tanaman/ternakan/komoditi telah pun diselaraskan oleh Jawatankuasa Penyelarasan ini. Apa yang perlu dibuat sekarang ialah pihak agensi/jabatan melaksanakannya di dalam program pembangunan tahunan masing-masing dan diteruskan di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Penyelarasan pelaksanaan akan dibuat mengikut jentera pentadbiran yang sedia ada.

#### **TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR-PELAJAR**

**21. Dato' Haji Saidin bin Mat Piah** minta Menteri Pelajaran menyatakan benarkah pihak Kementerian akan menubuhkan suatu Tabung Kebajikan Pelajar-pelajar di negara ini; jika benar:

- (a) bagaimanakah bentuk Tabung Kebajikan yang dimaksudkan itu dan apakah tujuannya; dan
- (b) bagaimanakah caranya Tabung Kebajikan itu benar-benar dapat dimanfaatkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan atau pertolongan.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** (a) dan (b): Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini pihak Kerajaan tidak ada cadangan menubuhkan satu Tabung Kebajikan seperti yang dinyatakan.

#### **HOSPITAL UNIVERSITI**

**22. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Hospital Universiti (UH) sedang menghadapi banyak masalah pentadbiran dan kewangan yang telah mengakibatkan ketidakcekapan perkhidmatan dan penyelenggaraan. Kalau ya, adakah Kementerian telah menyasatkan dan mengenalpastikan masalah-masalah itu, apakah langkah-langkah konkrit yang Kementerian bercadang untuk mengatasi masalah-masalah itu, adakah Kementerian menimbangkan kemungkinan menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu di UH sebagai suatu penyelesaian; sekiranya ada nyatakan rancangan itu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Kerajaan sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak Universiti Hospital. Satu pasukan petugas yang terdiri daripada wakil agensi pusat dan diketuai oleh MAMPU sedang ditubuhkan untuk membuat kajian tentang masalah-masalah tersebut. Tindakan selanjutnya akan diambil berdasarkan kepada syor-syor yang akan dikemukakan nanti.

#### **DEFISIT ATAS IMPORT INVISIBLE**

**23. Y.B. Tuan Peter Chin Gan Onn** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apa langkah-langkah telah diambil untuk mengurangkan defisit yang sedang berkembang atas import-import "invisible", kebanyakannya perkhidmatan-perkhidmatan dan tukaran-tukaran lain dan sama ada langkah-langkah yang diambil dapat menghentikan "trend" peningkatan defisit.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Kerajaan memberikan perhatian yang sangat

serious terhadap kedudukan defisit akaun tak-ketara yang telah disifatkan sebagai "kanser" oleh Y. A. B. Perdana Menteri di dalam ucapan perasmian seminar "Malaysia-British Invisible Trade Links" pada 17.7.84 lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan pertambahan defisit tak-ketara adalah seperti berikut:

- (i) Galakan penggunaan kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia dan perkhidmatan insuran tempatan oleh kalangan pengeksport dan pengimport sedang diberi keutamaan oleh Kerajaan.
- (ii) Menggalakkan eksport c.i.f. dan import f.o.b.
- (iii) Menubuhkan Syarikat Pusat Tempahan Kargo (Malaysia Freight Booking Centre Sdn. Bhd., MFBC) bagi mengurangi kos pembayaran tambang dan mengutamakan penghantaran barangan/keluaran ke pasaran antarabangsa melalui kapal-kapal yang berdaftar di Malaysia.
- (iv) Meningkatkan lagi penyertaan warganegara dalam bidang perkapalan antarabangsa, menambah tonej perkapalan berdaftar di Malaysia dan pemilikan kapal oleh warganegara.
- (v) Mempergiatkan lagi kemasukan pelaburan asing bagi memperkembangkan industri barangan eksport negara.
- (vi) Mempergandakan usaha bagi menarik kemasukan para pelancung luar ke negara ini. Disamping itu usaha menggalakkan kalangan

penduduk melancung di dalam negeri juga sedang diberi perhatian.

- (vii) Menggalakkan warganegara mengutamakan perkhidmatan penerbangan MAS bagi perjalanan ke luar negeri.

Langkah-langkah tersebut akan mengurangkan defisit tak-ketara tetapi setakat mana kita berjaya dalam usaha ini adalah bergantung kepada sambutan pihak swasta.

### IKLAN ROKOK DI TELEVISYEN/RADIO

**24. Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah tujuan TV Malaysia menyiarkan iklan barangan syarikat-syarikat pengeluar rokok yang besar di negara ini yang secara tidak langsung mengiklankan tanda rokok keluarannya yang selama ini sudah diharamkan itu.

**Dato' Chan Siang Sun:** Kementerian Penerangan mengharamkan pengiklanan rokok di Televisyen dan Radio tetapi tidak mengharamkan pengiklanan barang-barang lain keluaran syarikat-syarikat rokok kecuali barang-barang yang ada kaitannya dengan rokok seperti pemetik api dan paip.

Jenama yang digunakan oleh syarikat-syarikat tersebut adalah jenama berdaftar dan dengan demikian penggunaannya tidak terhad kepada rokok sahaja.

### MAJLIS PRIVY—RAYUAN

**25. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah rayuan-rayuan ke Majlis Privy akan dihapuskan dengan penuh dan sama ada cadangan Kerajaan untuk mengadakan sebuah Mahkamah Rayuan Terakhir untuk mengganti Majlis Privy.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Kerajaan telah memutuskan bahawa semua rayuan kepada Majlis Privy diberhentikan mulai daripada 1.1.1985. Sungguhpun rayuan ke Majlis Privy akan diberhentikan pada 1.1.1985, namun bagitu kes-kes yang mana rayuan telah dibuat tetapi, pada tarikh itu, belum diselesaikan lagi akan terus dibicarakan oleh Majlis Privy.

Apabila rayuan ke Majlis Privy diberhentikan Mahkamah Agung akan menjadi mahkamah rayuan terakhir di Malaysia.

### PEGAWAI PTD DAN PTA

26. **Tuan Othman bin Abdul** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah perlunya Kerajaan mengekalkan dua jenis Pegawai Pentadbir di Negara ini iaitu PTD dan PTA;
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat rasa tidak puas hati dikalangan PTA mengenai perkhidmatan mereka dibandingkan dengan perkhidmatan PTD; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang untuk membentuk hanya satu jenis Pegawai Pentadbir sahaja supaya tidak timbul rasa tidak puas hati di kalangan mereka.

**Dato' Mohd. Khalil bin Yaakob:**

- (a) Kerajaan perlu untuk mengekalkan dua jenis perkhidmatan tadbir iaitu Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan Perkhidmatan Tadbir Am memandangkan perbezaan tugas bagi kedua-dua perkhidmatan yang berkenaan.
- (b) Adalah disedari perasaan tidak puas hati terdapat di kalangan pegawai PTA bersabit dengan perkhidmatan mereka dan pihak

Kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini terutamanya dengan mengadakan peluang naik pangkat yang lebih baik bagi Pegawai-pegawai PTA.

- (c) Kerajaan belum bercadang untuk membentuk hanya satu Skim Perkhidmatan untuk mengatasi rasa tidak puas hati di kalangan pegawai-pegawai PTA.

### HARGA BARANG— KAWALAN

27. **Tuan Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapakah harga barang-barang kawalan tidak dapat dikawal pada masa-masa tertentu seperti hari-hari perayaan dan sebagainya.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, takrif "barang-barang kawalan" bermakna cuma bekalan barang-barang itu dikawal tetapi harganya tidaklah dikawal. Tujuan barang-barang ini dikawal ialah untuk memastikan supaya bekalan barang-barang itu sentiasa ada dan senang didapati dalam sebarang keadaan. Dengan terjaminnya bekalan barang-barang ini, secara tidak langsung harganya juga dapat disetabilkan kerana peniaga-peniaga sentiasa diawasi supaya tidak mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi pengguna-pengguna dengan menyorokkan barang-barang itu, menafikan mereka ada barang-barang berkenaan dan lain-lain penyelewengan yang menyalahi Akta Kawalan Bekalan, 1961.

Namun begitu, untuk kepentingan pengguna-pengguna beberapa jenis barang kawalan yang penting telah ditetapkan harganya oleh Kementerian saya. Barang-barang itu

ialah minyak petrol, minyak diesel, minyak tanah, gas pemasak (LPG), autogas, gula pasir, tepung gandum, susu pekat manis, simen dan bar bulat. Siasatan yang dijalankan menunjukkan bahawa barang-barang ini dijual dengan harga yang telah ditetapkan.

Bagi barang-barang kawalan yang lain, harganya tidak ditetapkan oleh Kementerian saya dan oleh itu peniaga-peniaga adalah bebas untuk menjualnya dengan harga yang difikirkan munasabah dan berpatutan. Siasatan Kementerian saya menunjukkan bahawa harga kebanyakan barang-barang ini adalah menasabah dan berpatutan melainkan beberapa jenis barang seperti ubi kentang, cili dan bawang yang mana harganya naik agak tinggi sedikit terutama di hari-hari perayaan. Ini adalah disebabkan oleh kedudukan bekalan dan permintaan yang berubah-ubah mengikut musim dan juga kos pengimpotan barang-barang berkenaan.

Sungguhpun barang-barang ini tidak ditetapkan harganya oleh Kementerian saya, barang-barang ini tertakluk kepada Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjualruncit) 1977 yang mana mewajibkan tandaharga diletakkan ke atas barang-barang itu. Buat masa ini, sebanyak 111 jenis barang-barang wajib diletakkan tandaharga. Kementerian saya sentiasa menjalankan penyiasatan dan pengawasan untuk memastikan Perintah Tanda Harga ini dipatuhi oleh Penjualruncit dengan sepenuhnya dan sebarang keengkar akan diambil tindakan tegas.

#### **PUSAT PEMULIHAN DADAH SERENTI**

**28. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setakat manakah

kejayaan dan kekesan yang telah dapat dicapai oleh Pusat Pemulihan Dadah Serenti, Tampin yang menekankan kepada disiplin, latihan tentera, kerja dan pelajara ugama di dalam hal memulihkan penagih-penagih dadah. Dan sesuaikan pusat itu dijadikan model untuk pusat-pusat pemulihan dadah yang lain di negara kita.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Pusat Serenti ialah satu konsep baru dalam program merawat dan memulih penagih-penagih dadah dan dalam hubungan ini Pusat Serenti Tampin ialah Pusat Serenti yang pertama di negara ini.

Mengikut konsep ini, kesemua proses berkaitan dengan rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah mengikut undang-undang seperti penentuan penagihan dadah, menghadapkan penagih ke mahkamah, detoksifikasi dan pemulihan psychososial adalah dilaksanakan setempat iaitu di Pusat Serenti itu sendiri.

Pusat Serenti Tampin mula menerima penagih-penagih dadah untuk menjalani rawatan dan pemulihan dalam bulan April 1983. Kumpulan penghuni yang pertama telah dibebaskan pada 23hb Jun 1984 setelah menjalani pemulihan selama kira-kira satu tahun dua bulan. Mereka ini dapat dibebaskan lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan untuk pemulihan mereka iaitu selama dua tahun dengan berasaskan kepada kemajuan yang telah mereka capai dari segi perubahan sikap dan kelakuan.

Namun demikian dalam masa yang singkat ini adalah agak awal untuk menentukan sejauhmana kejayaan dan kekesan yang telah dicapai pada keseluruhannya oleh Pusat Serenti ini. Satu kajian awal oleh Universiti Sains

Malaysia akan dilaksanakan tidak lama lagi untuk memastikan perkara ini lagi.

Di samping itu Kementerian saya memang mempunyai rancangan untuk menubuhkan Pusat-pusat Serenti yang lain berasaskan kepada kemajuan dan kekesanan yang telah dicapai dalam menguruskan pusat pemulihan mengikut konsep Pusat Serenti.

### PEKERJA PERLOMBONGAN/ ELEKTRONIK YANG DIBERHENTIKAN

29. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Buruh menyatakan jumlah pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja dalam bidang:

- (i) perlombongan
- (ii) letronik

dalam tahun 1983 dan sehingga 1-6-1984 dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mendapatkan mereka kerja-kerja alternatif.

**Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam):** Jumlah pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja dalam tahun 1983 dan sehingga bulan Mei, 1984 mengikut perusahaan-perusahaan perlombongan dan elektronik adalah seperti berikut:

<i>Jenis Perusahaan</i>	<i>1983</i>	<i>Januari-Mei, 1984</i>
1. Perlombongan	2966	273
2. Elektronik	497	41

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja yang terlibat itu adalah dengan menentukan segala proses pemberhentian kerja dilakukan mengikut syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan di bawah Undang-undang Buruh yang berkenaan dan juga dengan menempatkan mereka dalam

pekerjaan-pekerjaan baru melalui Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat di bawah Kementerian saya.

Walau bagaimanapun, tidak semua dari pekerja-pekerja yang terlibat itu berdaftar dengan Pejabat-pejabat Tenaga Rakyat untuk mendapat pekerjaan lain, walaupun usaha-usaha dijalankan untuk mendaftarkan mereka. Kementerian saya berpendapat bahawa mereka itu tiada kesulitan mencari pekerjaan-pekerjaan lain. Bagi mereka yang berdaftar, keutamaan diberi untuk menempatkan mereka dalam pekerjaan-pekerjaan lain dan jika mereka tidak begitu memilih, Kementerian saya dapat menempatkan mereka di pelbagai sektor terutama sekali di sektor perladangan dan sektor pembinaan yang mana sedang mengalami kekurangan tenaga pekerja.

Di samping itu Kementerian saya juga sentiasa menggesa majikan-majikan yang terlibat dengan tekanan kemelesetan ekonomi sekarang, supaya tindakan memberhentikan pekerja-pekerja ataupun menutup operasi perusahaan mereka, hanya diambil sebagai langkah terakhir. Bagi mencapai tujuan ini, majikan-majikan yang terlibat itu dinasihatkan supaya mengurangkan hari-hari bekerja atau memendekkan masa bekerja sehingga keadaan ekonomi beransur baik.

### KAD PENGENALAN BARU KEPADA BUMIPUTERA

30. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri dalam Negeri menyatakan apakah yang dimaksudkan oleh beliau ketika beliau menjawab pertanyaan Ahli Parlimen bagi Lubuk Antu bahawa orang-orang Bumiputera tidak seharusnya memegang kad pengenalan merah tetapi sebaliknya memegang kad pengenalan biru kerana orang-orang Bumiputera adalah rakyat Malaysia, dan apakah

orang-orang dari Filipina dan Indonesia boleh juga diberi kad pengenalan biru; nyatakan juga bilangan orang-orang Bumiputera dari Sabah khasnya orang-orang Kadazan dan Sino-Kadazan yang benar-benar adalah Bumiputera yang masih belum lagi diberikan kad pengenalan biru.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kad pengenalan merah hanya diberikan kepada warganegara Malaysia. Bumiputera ialah warganegara Malaysia mengikut perjalanan undang-undang. Oleh yang demikian, mereka sewajarnya memiliki kad pengenalan biru sekiranya mereka mencapai umur 12 tahun ke atas dan membuat permohonan untuk mendapatkannya.

Warganegara Filipina, Indonesia atau mana-mana negara jua tidak akan diberikan kad pengenalan biru oleh kerana kad pengenalan biru hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia.

Adalah menjadi amalan Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod permohonan kad pengenalan biru atau taraf kerakyatan mengikut asal keturunan pemohon.

### PROJEK SUSU SEKOLAH

**31. Dato' Haji Saidin bin Mat Piah** minta Menteri Pelajaran menyatakan benarkah ada dakwaan ramai murid-murid yang sakit perut selepas meminum bantuan susu di bawah Skim Projek Susu Sekolah; jika benar:

- (a) nyatakan berapa buah yang terlibat dengan kejadian itu dan berapa ramai murid-murid yang menjadi mangsanya;
- (b) apakah sebab-sebabnya terjadi demikian adakah kerana tidak ada kawalan kesihatan dan kebersihan yang wajar; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang positif telah, sedang dan akan diambil untuk memastikan

kejadian itu tidak akan berulang lagi dan apakah tindakan yang diambil terhadap pembekal-pembekal susu yang tidak bertanggungjawab itu.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar dakwaan ramai murid-murid sakit perut di bawah projek susu sekolah. Apa yang berlaku hanya 92 orang murid daripada sejumlah 1.5 juta orang murid yang diberi peluang menyertai skim ini telah mengadu bahawa mereka merasa kurang sihat setelah minum susu. Tapi pihak berkuasa perubatan tidak dapat memastikan perkara ini adalah akibat daripada meminum susu tersebut.

### PENGELUARAN PADI DI SARAWAK

**32. Tuan Ling Sie Meng** minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimana situasi pengeluaran padi pada masa ini di Negeri Sarawak dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menambah pengeluaran padi di negeri tersebut.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Pengeluaran padi di Negeri Sarawak kini adalah kira-kira 60% mencukupi untuk kegunaan negeri. Dasar Kerajaan Negeri sekarang ialah untuk menahan kadar pengeluaran antara 60%—65% kegunaan negeri.

Untuk mempertahankan kadar pengeluaran ini Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah-langkah tertentu dengan:

- (i) Memperbaiki infrastruktur parit dan taliair;
- (ii) Penanaman baka padi berhasil tinggi;

(iii) Penggunaan teknologi moden dalam penanaman padi.

(Soalan No. 33 dijawab pada 16-7-84).

### MATA PELAJARAN JAWI DI SEKOLAH-SEKOLAH

**34. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menerangkan status sebenar matapelajaran Jawi di sekolah-sekolah di seluruh negara, dan sama ada ianya kini adalah wajib. Adakah beliau sedar bahawa di beberapa sekolah rendah kebangsaan, Jawi adalah diuji sebagai sebahagian daripada kertas Bahasa Malaysia dan tindakan ini secara tidak langsung mewajibkannya. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menjamin bahawa ia tidak akan diwajibkan tetapi akan benar-benar merupakan suatu pilihan. Adakah Jawi sebagai satu matapelajaran lain menjadi sebahagian daripada KBSR dan jika ya, siapakah guru-guru yang akan diberikan latihan mengajarnya atau adakah ianya terbatas kepada guru-guru agama sahaja. Adakah Kerajaan ingin mempopularkan Jawi daripada Bahasa Malaysia Rumi.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Untuk makluman Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab pada 16-7-84.

### OFF BUDGET AGENCIES

**35. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menamakan 'Off Budget Agencies', jumlah amaun hutang luar yang ditanggung sehingga hari ini oleh agensi-agensi tersebut, amaun yang akan dipinjam dalam masa akan datang, sama ada agensi-agensi tersebut diawasi dengan berkesan dan oleh siapa.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Sebagaimana jawapan yang saya berikan dalam Dewan ini pada

17.7.1984 kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada masa ini terdapat 13 buah agensi 'Off Budget' iaitu:

#### Badan-badan Berkanun—

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah

Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA)

Sabah Energy Corporation

#### Syarikat Kerajaan—

PETRONAS

Sabah Gas Industries Sendirian Bhd.

Sistem Penerbangan Malaysia (MAS)

Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Bhd. (MISC)

Perbadanan Nasional Shipping Line Bhd. (PNSL)

Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad (HICOM)

Perak Hanjoong Simen Sendirian Berhad

Pahang Simen Sendirian Berhad

Simen Industri Malaysia Berhad (CIMA)

Jumlah hutang luar agensi-agensi 'Off Budget' sehingga 31hb Disember, 1983 ialah sebanyak \$4,859.2 juta. Ini merupakan jumlah hutang yang dijamin oleh Kerajaan. Jumlah yang akan dipinjam oleh agensi-agensi tersebut pada masa akan datang belum dapat ditentukan kerana ini bergantung kepada bilangan projek-projek yang akan dilaksanakan oleh mereka dan juga kepada kedudukan kewangan negara. Kerajaan telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa di Jabatan Perdana Menteri bagi mengawasi perjalanan agensi-agensi 'Off Budget' berkenaan.

### GURU PELATIH DI SARAWAK—PENGAMBILAN

36. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Jumlah guru-guru dari Semenanjung Malaysia yang dihantar mengajar di Sarawak yang telah cabut lari sejak 5 tahun kebelakangan ini.
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil terhadap guru-guru tersebut kerana kurang mempunyai sifat dedikasi terhadap pembinaan negara khususnya pembinaan negara di Sarawak; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang menambahkan pengambilan guru-guru pelatih Sarawak ke dalam maktab-maktab perguruan supaya dapat memenuhi keperluan pelajaran di Sarawak.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:

- (a) Tiada maklumat lengkap untuk jawab soalan ini tetapi pada tahun 1983 cuma 4 orang guru telah meninggalkan jawatan tanpa izin.
- (b) Tindakan tatatertib yang sewajarnya telah diambil ke atas guru-guru tersebut.
- (c) Kerajaan sememangnya bercadang untuk menambah pengambilan calon-calon guru pelatih dari Sarawak untuk mengikuti kursus-kursus di maktab-maktab perguruan. Walau bagaimanapun, pertambahan ini amat bergantung kepada keadaan capacity di maktab-maktab perguruan secara keseluruhannya dan kelayakan serta kesesuaian calon-calon yang memohon berasaskan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

(Soalan No. 37 dijawab pada 18-7-84).

### PEMBOCORAN PE-PERIKSAAN STPM

38. Tuan Karpal Singh minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada cadangan beliau untuk mengadakan satu penyiasatan yang bererti dalam hal pembocoran kertas soalan-kertas soalan STPM tahun lalu untuk menggantikan lakunan dongeng yang dicerminkan dalam kajian diketuai oleh Profesor Di Raja Ungku Aziz.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah menerima laporan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia tahun lalu dan tidak bercadang untuk mengadakan siasatan yang lain mengenai perkara yang sama.

### PERMOHONAN KERAKYATAN

39. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab utama Kerajaan enggan menggunakan satu sistem atau tataraca yang lebih mudah untuk memproses permohonan-permohonan kerakyatan oleh pemegang-pemegang kad pengenalan merah yang telah tinggal di negeri ini berpuluh-puluh tahun lamanya dan berjumlah antara 200 ke 300 ribu orang memandangkan kumpulan ini boleh menjadi punca tenaga rakyat negeri kita;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa apabila seseorang buruh asing diambil bekerja di negeri kita, seorang rakyat akan dinafikan satu peluang pekerjaan; dan
- (c) sekiranya keadaan memaksa kita mengupah buruh dari Indonesia, sama ada tempoh masa kerja, katalah selama beberapa tahun, akan dikenakan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**

- (a) Kerajaan bukan enggan tetapi sebaliknya telah menggunakan satu sistem pemerosesan permohonan taraf kerakyatan yang berkesan. Kejayaan kaedah ini telah terbukti oleh kerana pada masa ini hanya 15,594 permohonan taraf kerakyatan sahaja yang sedang dipertimbangkan, atau 0.64% dari jumlah permohonan yang pernah diterima oleh Kementerian ini. Ini bermakna bahawa Kementerian telah berjaya menyelesaikan 99.36% permohonan yang diterima sehingga bulan Mei 1984.
- (b) Kemasukan pekerja-pekerja asing ialah untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja di perladangan dan sektor pembinaan yang sedang dialami oleh negara ini dan bukannya untuk menggantikan pekerja-pekerja tempatan atau merampas peluang-peluang kerja mereka.
- (c) Pekerja-pekerja asing yang akan dibawa masuk bekerja di Malaysia adalah secara kontrek untuk selama tempoh 2 tahun dan selepas itu mereka akan dihantar balik ke negara asal mereka masing-masing.

*(Soalan No. 40 dijawab pada 19-7-84).*

**TELEVISYEN MALAYSIA—  
MEMPERBAIKI RANCANGAN**

**41. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kerajaan sedar bahawa siaran rancangan-rancangan TV3, pada masa kini telah menarik para penuntun T.V. Malaysia.
- (b) jika sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil serta yang akan dirancang bagi

memperbaiki mutu rancangan-rancangan RTM 1 dan RTM 2, supaya ianya seimbang dan setanding dengan rancangan-rancangan TV3.

**Dato' Chan Siang Sun:** Sepertimana yang telah saya maklumkan kepada ahli-ahli Yang Berhormat pada 16 dan 19hb Julai, 1984, suka saya nyatakan sekali lagi bahawa TV3 dan RTM tidaklah boleh dibanding dan diperbandingkan. TV3 dan RTM mempunyai matlamat yang berlainan dan oleh itu, tekanan mereka adalah berlebihan. RTM sebagai media rasmi Kerajaan akan terus memberi tekanan kepada unsur-unsur penerangan dan pendidikan dalam rancangannya.

Oleh yang demikian, selaras dengan matlamatnya, RTM adalah sentiasa berusaha membanyakkan lagi pengeluaran rancangan-rancangan tempatan dan meningkatkan lagi mutu penerbitannya.

*(Soalan No. 42 dijawab pada 19-7-84).*

**KURIKULUM PELAJARAN  
AGAMA ISLAM**

**43. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa Kurikulum Agama akan dilaksanakan sepenuhnya di peringkat sekolah menengah dalam tahun 1986 dan sama ada Kurikulum ini akan merangkumi semua agama yang wujud di negeri ini atau cuma agama Islam sahaja; jika ya sama ada murid-murid bukan Islam akan dikecualikan daripada menghadiri kelas-kelas agama Islam.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Ya, Kurikulum Agama akan terus dilaksanakan sepenuhnya di peringkat sekolah menengah dalam tahun 1986. Kurikulum ini hanya merangkumi pelajaran Agama Islam sahaja tidak agama-agama lain.

Hanya murid-murid Islam sahaja yang diwajibkan mengikuti kelas-kelas Agama Islam.

### PERJANJIAN BEKALAN PEKERJA INDONESIA

**44. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan syarat-syarat dan isi kandungan Perjanjian Bekalan Pekerja yang ditandatangani dengan Kerajaan Indonesia dan bagaimanakah ia menjejaskan pasaran buruh tempatan dan mengapakah kerajaan Indonesia mengumumkan bahawa pekerja-pekerja Indonesia yang bekerja di Malaysia selepas 10 tahun boleh memohon untuk mendapat kewarganegaraan Malaysia.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Bahagian pertama dan kedua soalan ini telah dijawab pada 16hb Julai, 1984 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Mengikut undang-undang sesiapa saja boleh memohon untuk tinggal tetap atau menjadi warganegara negara ini. Walau bagaimanapun, mereka hendaklah memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang diperlukan oleh undang-undang. Setiap permohonan adalah diberi pertimbangan yang sewajarnya.

### SISTEM KESELAMATAN JALAN RAYA

**45. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kemajuan yang telah dibuat setakat ini dalam melaksanakan Sistem Kejara sejak ianya dilancarkan pada 1hb April, 1984, berikan juga butir-butir bilangan pesalah-pesalah lalulintas, jenis kesalahan yang dilakukan dan bilangan mata (demerit point) yang mereka terima sekarang.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Sistem Keselamatan Jalan Raya (KEJARA) telah dilancarkan dan berkuatkuasa pada 1hb Februari, 1984. Walau bagaimanapun, mulai daripada tarikh itu sehingga 31hb Mac, 1984 iaitu selama tempoh 2 bulan, pemandu-pemandu diberi peluang memahami sistem ini dan pemegang-pemegang lesen memandu kenderaan yang melakukan kesalahan hanya diberikan amaran bertulis sahaja. Jumlah bilangan kesalahan lalulintas dalam jangkamasa itu ialah 540 dan tiada yang kena mata kesalahan melebihi 5 mata.

Mulai daripada 1hb April, 1984 hingga 30hb Jun, 1984, jumlah bilangan mereka yang melakukan kesalahan dan diberi mata kesalahan ialah sebanyak 6,174. Daripada jumlah ini, seramai 101 orang telah diberi mata kesalahan 10 hingga 15 mata dan notis amaran bertulis telah dihantar kepada mereka. 1,703 orang telah diberi 5 mata kesalahan, 1,846 orang telah diberi 3 mata kesalahan dan 1,568 lagi telah diberi 2 mata kesalahan.

Semua kesalahan yang dikuatkuasakan di bawah Sistem Keselamatan Jalan Raya (KEJARA) adalah disebabkan oleh kesalahan yang dilakukan oleh manusia ataupun pemandu-pemandu sendiri kerana kesilapan, kecuaiian atau kurang bersopan dan timbangrasa semasa menggunakan jalanraya.

### DAYABUMI—KOS PEMBINAAN

**46. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan Kos terakhir yang ditanggung bagi pembinaan fasa ketiga Dayabumi, kos penyewaan ruang-ruang pejabat, nisbah ruang masing-masing yang disewa oleh sektor swasta dan agensi-agensi atau jabatan-jabatan Kerajaan; dan tempoh yang dikehendaki untuk

menebus balik kos pembinaan daripada penyewaan-penyewaan tersebut.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Adalah dimaklumkan bahawa proses penyediaan akaun penamat (final accounts) bagi Fasa III projek Dayabumi masih sedang berjalan. Pihak saya hanya dapat memberi angka muktamat apabila kedua-dua pihak UDA dan pemborong-pemborong telah mempersetujui kos-kos sebenarnya.

Untuk angka panduan silalah Ahli Yang Berhormat merujuk kepada jawapan saya kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Chan Kok Kit pada 21hb Mac 1984 di Dewan yang mulia ini.

Mengenai kos penyewaan ruang-ruang pejabat, adalah dimaklumkan bahawa UDA mengenakan kadar-kadar sewaan yang berbeza untuk kumpulan-kumpulan penyewa yang berlainan. Untuk ruang pejabat kadarnya ialah \$2.60 sekaki persegi dan bayaran perkhidmatan pada kadar 90 sen sekaki persegi. Jumlah sewaan ruang pejabat yang akan diperolehi oleh UDA pada tiap bulan ialah lebih kurang \$2.08 juta, apabila semua ruang-ruang pejabat disewakan.

Tentang nisbah ruang yang disewa oleh pihak awam dan swasta, dari segi bilangan ruang atau bilangan lot nisbahnya ialah 1:5. Dari segi keluasan ruang pula nisbahnya ialah 1:7 Jabatan-jabatan Kerajaan yang menyewa ruang sekarang ialah Kementerian Perusahaan Utama, Majlis Dagangan Komoditi, Association of Tin Producing Countries dan Bursa Komoditi Kuala Lumpur yang mengambil sejumlah 68,326 kaki persegi.

Berdasarkan kepada kenaikan-kenaikan berkala yang biasa atas kadar-kadar sewa dan lain-lain

pertimbangan dan andaian yang sewajarnya, adalah dijangka bahawa pulangan balik sepenuhnya modal yang telah dilaburkan ke dalam projek ini akan mengambil masa 27 tahun.

### KUTIPAN TOL DI PLAZA

47. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri kerja Raya menyatakan:

- (i) anggaran hasil tahunan dari plaza-plaza tol yang terdapat sekarang;
- (ii) belanja kelengkapan dan gaji bagi kakitangan yang mengendalikan plaza-plaza tol;
- (iii) apakah kutipan yang berkenaan adalah semata-mata untuk mengendalikan lebu-lebu raya.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):**

- (i) Anggaran hasil tahunan dari plaza-plaza tol yang terdapat sekarang ialah—

(a) Plaza Tol Kuala Lumpur-Seremban	\$12.0 juta setahun
(b) Plaza Tol Slim River	\$ 3.2 juta setahun
(c) Plaza Tol Kuala Lumpur—Karak	\$ 6.5 juta setahun

- (ii) (a) Belanja kelengkapan alat kutipan tol ialah—

Plaza Tol Kuala Lumpur-Seremban	\$1.66 juta
Plaza Tol Slim River	\$12,800.00
Plaza Tol Kuala Lumpur—Karak	\$85,800.00

- (b) Gaji Kakitangan yang mengendalikan plaza-plaza tol—

Plaza Tol Kuala Lumpur-Seremban	\$489,000.00 setahun
Plaza Tol Slim River	\$ 82,000.00 setahun
Plaza Tol Kuala Lumpur-Karak	\$292,000.00 setahun

(iii) Hasil kutipan-kutipan tol tersebut digunakan untuk mengemaskinikan lebuhraya-lebuhraya yang sedia ada di negeri ini, membina lebuhraya-lebuhraya yang baru dan juga menyelenggara lebuhraya-lebuhraya yang telah sedia ada itu.

#### **PINJAMAN PERUMAHAN MENDIRIKAN RUMAH**

**48. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian mempunyai peruntukan khas bagi pinjaman perumahan \$10,000 tiap-tiap satu untuk mendirikan rumah di kawasan luar bandar yang daerahnya diketahui mundur.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** Kementerian saya memang ada menyediakan peruntukan bagi pinjaman perumahan untuk golongan berpendapatan rendah yang dikeluarkan daripada "Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan Kepada Golongan Berpendapatan Rendah". Pada masa ini had maksima di bawah skim ini ialah \$7,500.00 sahaja. Kementerian saya sedang mengkaji untuk menaikkan had maksima pinjaman kepada jumlah yang lebih tinggi lagi.

#### **SKANDAL BMF— PENYIASATAN**

**49. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah mengambil sebarang tindakan terhadap Resolusi Bahagian UMNO Parit yang mendesak Kerajaan mendakwa mereka yang telah menyalahgunakan kuasa dan kepercayaan orang ramai terhadap mereka dalam Skandal BMF yang diterima dengan sebulat suara di persidangan UMNO baru-baru ini.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa yang dilantik untuk menyiasat ke atas pinjaman yang dikeluarkan oleh Bumiputera Malaysia Finance (BMF) telah menjalankan kerjanya sejak pertengahan bulan Januari, 1984. Saya diberi faham oleh Pengerusinya bahawa pemeriksaan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF sehingga akhir tahun 1983 hampir akan selesai dalam masa 2 bulan lagi. Tindakan-tindakan yang akan diambil adalah bergantung kepada hasil daripada penyiasatan itu.

#### **WANITA DI MAJLIS DAERAH KERAJAAN TEMPATAN**

**50. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi peluang kepada wanita menduduki setiap Majlis Daerah Kerajaan Tempatan supaya ada sekurang-kurangnya seorang ahli dari wanita.

**Tuan S. Subramaniam:** Kerajaan sedar pentingnya penglibatan kaum wanita sebagai ahli-ahli Majlis Penguasa-penguasa Tempatan dan pada dasarnya Kerajaan tidaklah membeza-bezakan kriteria perlantikan ahli-ahli Majlis dari segi jantina. Dalam hal ini, peruntukan-peruntukan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) telah pun jelas menentukan kriteria-kriteria perlantikan ini. Antara kriteria yang digunakan, ahli-ahli Majlis bagi semua Penguasa Tempatan hendaklah dilantik daripada orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan Penguasa Tempatan ini dan berkebolehan untuk menyumbang terhadap perjalanan dan kemajuan Penguasa Tempatan tersebut. Walau bagaimanapun, kuasa untuk membuat

perlantikan ahli-ahli Majlis di Penguasa-penguasa Tempatan adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan dan pemeriksaan taman-taman asuhan kanak-kanak dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Kebajikan Masyarakat; dibaca kali pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

## USUL

### LAPORAN JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN (Bil. Dr 2 Tahun 1984)

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah.

"Bahawa Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dibentangkan sebagai Kertas Bil. Dr 2 Tahun 1984 hendaklah diterima dan hukuman terhadap Yang Berhormat Ahli dari Sandakan seperti yang dicadangkan dalam perenggan 14 Laporan tersebut hendaklah dipersetujui dan dijalankan pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua".

DAN

### Pindaan-pindaan dicadangkan oleh Tuan Abdillah bin Haji Hamid:

"Bahawa Perenggan 14 Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang telah dibentangkan sebagai Kertas Bil. Dr 2 Tahun 1984 yang menjadi sebahagian daripada usul yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri hendaklah dipinda seperti berikut—

1. Perkataan "oleh sebab" pada baris ketiga hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan "walaupun".
2. Selepas perkataan Jawatankuasa ini dalam ayat kedua perkataan-perkataan dimasukkan perkataan-perkataan "tetapi memandangkan bahawa perkara ini amat serius".
3. Perkataan "satu gusaran (reprimand)" hendaklah dipotong dan digantikan dengan perkataan-perkataan "dihukum dengan digantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat sepanjang sidang Belanjawan tahun ini".

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong.

3.38 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya dengan perasaan amat kecewa di atas sikap segolongan Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini kerana sengaja hendak mencabar keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang mengesyorkan Yang Berhormat dari Sandakan dihukum dengan diberi satu gusaran.

Walaupun Dewan yang mulia ini tidak semestinya menerima semua keputusan dan cadangan daripada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan akan tetapi Jawatankuasa ini telah membuat keputusan dengan menjatuhkan hukuman gusaran dan laporannya dibentangkan dengan keikhlasan dan kejujuran, dengan izin, in good faith. Menurut majoriti yang besar pihak Barisan Nasional keputusan Jawatankuasa tersebut boleh diatasi atau overruled dan dipinda dari hukuman dengan gusaran kepada hukuman dengan digantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat sepanjang sidang Belanjawan tahun ini.

Sekiranya majoriti yang kejam ini, brute majority digunakan, maka cadangan Jawatankuasa boleh ditolak dengan kuasa yang kejam. Jikalau perbuatan ini berlaku ia merupakan satu rampasan yang hebat ke atas Jawatankuasa tersebut, terutama Pengerusinya, haruslah diingat bahawa Pengerusi Jawatankuasa, pernah menjadi Hakim Mahkamah Tinggi dan beliau adalah sangat disanjung tinggi oleh semua pihak sebagai seorang yang adil, saksama dan berperikemanusiaan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Wakil dari Pasir Puteh sudah bangun.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Saya bertanya wakil dari Kepong, wakil daripada Kerajaan yang mencabar keputusan ini dengan membawa cadangan baru atau wakil daripada DAP, misalnya seorang wakil dalam Jawatankuasa ini ialah wakil dari Jelutong yang tidak bersetuju Perenggan 10 dan Perenggan 14. bahkan sebarang keputusan laporan yang dibuat oleh Jawatankuasa dengan sendiri wakil Jelutong tidak bersetuju. Jadi adakah

wakil dari Kerajaan yang mencabar keputusan laporan ini ataupun wakil dari DAP, dari Jelutong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh sengaja hendak menyelewengkan orang.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak jawab. Saya minta penjelasan, dia mesti beri penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak mestinya jawab. Mengikut Peraturan Mesyuarat, jika sesiapa bertanya, orang yang bercakap itu tidak mesti jawab. Jika dia tidak menjawab, kita tidak boleh paksa.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Maknanya dia tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kali ini dengan pindaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam dan disokong oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu mereka telah menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang penghormatan kepada Tuan Pengerusi Jawatankuasa, satu perengai dan sikap yang amat menyalkan.

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, yang sebenarnya pindaan-pindaan itu bukanlah untuk mencabar keputusan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang memeriksa dan menyiasat tuduhan itu. Akan tetapi barangkali Ahli Yang Berhormat dari Kepong boleh merujuk Perenggan 14, di sana ada tertulis dengan terang bahawa itu adalah satu cadangan daripada Jawatankuasa ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, jelas di hadapan kita semua pada petang ini satu cabaran yang

besar ke atas keputusan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan terutamanya terhadap Pengerusi. Kekejaman yang dilakukan oleh segelintir orang yang tidak berperikemanusiaan ini hendaklah dikutuk dengan sekeras-kerasnya. Kelakuannya adalah tidak wajar. Mereka tidak mempunyai konsep keadilan dan kesaksamaan. Mereka hanya mengenal konsep kezaliman majoriti dan keangkuhan kuasa. Malang, sangat malang.

Di sini adalah perlu bagi semua pengundi di negara kita untuk sentiasa berwaspada supaya wakil-wakil rakyat yang dipilih tidak dilaksanakan kuasa kekejaman dan majoriti yang kejam. Rakyat jelata di negara ini harus faham bahawa mereka jangan salah mengundikan orang yang hanya minat mengenal . . . . .

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, minta jalan.

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Peraturan Mesyuarat 36 (6). Jangan, tolong saya tahu juga itu Peraturan-peraturan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini seolah-olah menuduh bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan ini berniat jahat kepada seorang Ahli Yang Berhormat dari Sandakan ini. Saya rasa Ahli Yang Berhormat ini seharusnya diminta menarik balik perkataan menuduh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, adakah Ahli Yang Berhormat menuduh orang lain mempunyai sangkaan jahat kepada sesiapa.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada, sila teruskan (*Ketawa*). Tetapi ayat-ayat janganlah mengandungi sangkaan tidak baik. Dan saya sendiri tidak ada perasaan apa-apa apabila Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain membuat satu cadangan balas di atas cadangan kepada Jawatankuasa. Itu hak mereka (*Tepuk*).

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya ingin bertanya adakah beliau sebenarnya, bahawa mungkinlah Ahli Yang Berhormat dari Silam mempelajari daripada suatu drama yang terkenal *The Merchant of Venice* yang serupa *Shylock* . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat itu out of order. Sila Yang Berhormat dari Kepong meneruskan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang lain-lain jangan campur sekarang. Sila teruskan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, jika pada hari ini Dewan ini menerima pindaan usul untuk menggantikan hukuman gusaran dengan gantungan daripada Dewan Rakyat dengan mengundinya ia akan merupakan satu undi celaan (*vôte of censure*) terhadap Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ia merupakan satu undi celaan terhadap Pengerusi Jawatankuasa. Mereka yang mencadangkan pindaan ini dan yang menyokongnya harus merasa malu mengenai perbuatan mereka itu.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan telah membuat satu kenyataan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas memiliki 70% tanah-tanah di Labuan.

Ahli Yang Berhormat dari Sandakan mungkin telah membuat satu kenyataan yang benar tetapi tidak

dapat membuktikannya dari segi undang-undang. Nampaknya dia lebih didosakan daripada membuat dosa. Tidak akan memerlukan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan menghadapi Jawatankuasa dan mempertahankan diri sendiri telah merumuskan satu humiliation, sama juga hukuman gusaran adalah merupakan suatu humiliation. dalam laporan Jawatankuasa iaitu menurut Pengerusi bahawa berkenaan dengan hukuman yang patut jatuh ke atasnya oleh sebab perkara ini jarang berlaku. Dan baru sekali ini yang mula diadakan penyiasatan lengkap di dalam Jawatankuasa ini maka dicadangkan yang mendakwa dihukum dengan diberi satu gusaran.

Kenyataan Pengerusi ini menunjukkan beliau menyanjungkan semangat keadilan (spirit of justice and fair play) serta semangat perikemanusiaan mengikut tradisi Hakim Mahkamah Tinggi yang sempurna.

Pengerusi Jawatankuasa telah mengesyorkan gusaran terhadap Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dengan kejujuran dan keikhlasan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai buku "Membongkar Dosa-dosa BERJAYA" jika kandungan buku itu adalah tidak benar mengapakah ianya diterima oleh Jawatankuasa sebagai exhibit? Bukankah sikap Ahli Yang Berhormat yang menuduh Pengeluar buku itu di mahkamah menunjukkan pengakuan mengenai kebenaran kandungan buku itu.

Dan tidakkah tindakan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan memetik keterangan dari buku ini wajar? Bukankah tindakan beliau mempercayai dan menerima kandungan benar itu wajar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes ini Ahli Yang Berhormat dari Silam dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu adalah seperti bertindak sebagai penyokong bagi Ahli Yang

Berhormat dari Ulu Padas di mana Ahli Yang Berhormat dari Silam mencadangkan gantungan dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu menyokongnya. Adakah tindakan mereka itu apa yang dimaknakan keadilan?

Tuan Yang di-Pertua, semasa bulan Syawal ini dan orang-orang beragama Islam sedang berhariraya Aidilfitri lagi dan meminta maaf ke atas batin dan lahir, adakah hukuman gantungan ini sejajar dengan erti bulan Syawal? (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, sikap dan tindakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Silam dan Ulu Terengganu menyebabkan kita mengingatkan babak mahkamah keadilan, dengan izin, dalam "The Merchant of Venice" oleh William Shakespeare. Shylock yang tidak mempunyai sebarang perikemanusiaan itu telah berkeras menuntut supaya Antonio membayarnya "an equal pound of flesh." dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Silam dan Ulu Terengganu adalah seperti Shylock (*Tepuk*) dan Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin dua minit sahaja untuk berucap di dalam perkataan-perkataan Shakespeare.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat itu bersetuju bahawasanya hukuman gusaran itu patut diterima? Dan begitu juga bagi semua DAP? Jikalau begitu katalah begitu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya sedang membuat bahasan mengenai usul pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, Shylock yang berkata . . . . .

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun. Ya!

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah memberi penjelasan sedikit kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang ditubuhkan oleh Dewan Rakyat yang mulia ini telah ditanggungjawabkan untuk menentukan siapa yang buat salah, yang mendakwa, yang telah dituduh bahawa Yang Berhormat Datuk Harris bin Mohd. Salleh mempunyai tanah sebanyak 70%. Jadi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah menjalankan satu responsibility dan bukan dengan sewenang-wenangnya menjatuhkan hukuman ataupun menjalankan apa-apa tuduhan atas mana-mana Ahli Yang Berhormat. Dalam hal menjalankan tanggungjawab itu Jawatankuasa telah dapat menentukan bahawa yang mendakwa telah pun membuat salah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat Yang Berhormat boleh membuat ucapan.

**Tuan S. Subramaniam:** Ya, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan bahawa Shylock itu tidak kena-mengena dengan apa yang telah berlaku. Shylock itu out of context.

Di sini kita ditanggungjawabkan untuk membuat satu keputusan atas siapa yang buat salah Shylock's case is entirely different in context and situation. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong dibenarkan, maka Ahli-ahli Dewan Rakyat akan diberi satu gambaran yang salah bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah membuat satu keputusan seperti Shylock ataupun lain-lain. Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua akan mengambil perhatian sebab I do not want him to mislead the House. There is no co-relation

between the case of Shylock in "Merchant of Venice" dengan apa yang dijalankan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa yang dia katakan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini buat cadangan yang elok, tetapi apa yang dia kata orang yang buat cadangan balas supaya Ahli Yang Berhormat dari Sandakan itulah yang tidak berapa elok, itulah yang dia kata (*Tepuk*).

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat yang berucap tadi terpaksa berhati-hati apabila kita ini membahaskan di Dewan yang mulia ini, kalau tidak begitu, memanglah menuju ke matlamat yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan di sini ialah untuk menjelaskan sikap dan perangai Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Silam dan Ulu Terengganu mengenai pindaan dan kekejaman pindaan ini, dan Shylock ia adalah orang yang kejam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, . . . so do I answer you: The pound of flesh, which I demand of him.

**Tuan Yew Foo Weng:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Ahli Yang Berhormat yang bangun.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, perkara di hadapan kita ialah mengenai pindaan, bukan untuk membaca dari Shakespeare, kalau hendak baca buku lain bolehlah baca buku "Doctor in the House", dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong, saya rasa perkataan "kejam" itu sangat kasar. Saya ingat tak patut Yang Berhormat menggunakan perkataan "kejam" kerana kejam ada mempunyai makna yang sangat dalam, saya ingat tidak elok menggunakan perkataan itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan gunakan lagi. Saya akan teruskan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, bacalah, saya ingat Yang Berhormat berhak membaca. Silakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Shylock berkata—

"Is dearly bourth; 't is mine, and I will have it. If you deny me, fie upon your law! Till thou canst rail the seal from off my bond, Thou but offend'st thy lung to speak so loud:

Repair thy wit, good youth, or it will fall to cureless ruin. I stand here for law".

Dalam babak mahkamah itu Hakim yang cerdik dan adil itu perintah bahawa . . . . .

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun lagi.

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Silam, ya!

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Tertib Mesyuarat 36 Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini telah divert, dengan izin, daripada perbincangan usul ataupun pindaan yang kita cadangkan ini, dia ini seolah-olah macam Shakespeare pula di Dewan yang mulia ini. Jadi saya harap, saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua supaya dia tidak dibenarkan

lagi bercerita seperti membaca buku di sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun faham, dia bukan Shakespeare, dia wakil dari Kepong (*Ketawa*). Silalah habiskan ucapan itu.

**Tuan Yew Foo Weng:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang lagi.

**Dr Tan Seng Giaw:** Satu rangkap.

**Tuan Yew Foo Weng:** Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada membaca dalam bahasa Inggeris, bolehkah Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta terjemah?

**Tuan Yew Foo Weng:** Terjemah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Yew Foo Weng:** Saya tidak tahu maknanya (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat tidak payah. Sila teruskan (*Ketawa*).

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, semalam atau kelmarin ada orang menuduh saya menterjemah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mahkamah itu Hakim yang cerdik dan adil pernah perintah bahawa:

"Therefore prepare thee to cut off the flesh.

Shed thou no blood; nor cut thou less, nor more,

But just a pound of flesh: if thou tak'st more,

Or less, than a just pound, be it but so much

As makes it light, or heavy in the substance,

Or the division of the twentieth part of One poor scruple, nay, if the scale do turn

But in the estimation of a hair, Thou diest and all thy goods are confiscate."

Tuan Yang di-Pertua, di sini kedua-dua Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi bukan sahaja mahukan satu pound daging (a pound of flesh) bahkan juga mahukan two pounds of flesh. Itulah apa yang saya sebutkan tadi tidak mengenal, tidak menyedari apa ertikata keadilan dan kesaksamaan dan berperikemanusiaan.

Dalam pertimbangan mengenai pengundian terhadap cara hukuman, saya ingin memperingatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa oleh kerana kebanyakan kita di sini adalah bukan pakar dalam undang-undang, adalah berkemungkinan nanti kelak ada di antara Yang Berhormat-Yang Berhormat akan juga melakukan kesalahan seperti ini, kerana tidak ada Ahli Yang Berhormat yang tidak boleh membuat kesalahan dengan tidak sengaja.

Saya bukan Peguambela tetapi memandangkan pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Silam dan disokongkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, saya merayu kepada semua Ahli Yang Berhormat yang budiman dan beriman, yang benar-benar beriman supaya . . . . .

**Tuan Yew Foo Weng:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Wakil Menglembu bangun. Hendak benarkan?

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kepong ini menyedihkan saya. Dalam ucapannya beliau merayu, jadi saya hendak menangis tentang apa yang diucapkan oleh beliau. Adakah itu tujuan Ahli dari Kepong atau membahaskan pindaan ini?

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, di sini kita membahaskan perkara yang sangat serius, malangnya

ada Ahli Yang Berhormat yang tidak mengambil perhatian, malang sungguh, cukup malang.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bulan Syawal ini (*Ketawa*) saya berharap semua Ahli Yang Berhormat dapat membuat keputusan dan mengundi dengan jujur dan ikhlas. Soal pokoknya walaupun Ahli Yang Berhormat dari Sandakan ada membuat kesalahan tetapi kenyataan beliau adakah dengan tujuan untuk merosakkan Negeri Sabah ataupun Labuan ataupun dengan tujuan hendak memperbaiki keadaannya. Adakah kita bukti yang menunjukkan yang sebaliknya kenyataan beliau mengenai milikan tanah di Pulau Labuan itu, tidak mungkin benar.

Dengan ini saya berharap usul pindaan ini ditolak sama sekali. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.03 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh saudara saya daripada Silam yang telah meminta supaya denda (gusaran) yang dikenakan ini patut diperberatkan lagi dan saya menyokong mengenai gusaran yang lebih berat lagi patut dikenakan kepada mereka yang bersalah. Kalaulah saya yang membawa cadangan, bukan dihukum gantung daripada menghadiri persidangan Dewan Rakyat dalam sidang Belanjawan ini, tetapi digantung sehingga mati ataupun tamat sehingga pilihanraya, iaitu supaya orang tersebut sedar dan tidak lagi bercakap benda yang bohong di dalam Dewan yang mulia ini, barulah mereka itu

takut dan tidak akan membuat tuduhan-tuduhan palsu dan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas.

Kalaulah kita hendak bermanja atau hendak merayu, hendak minta sehingga menangis-nangis janganlah bermanja kepada orang yang benci dan kalau hendak minta janganlah minta kepada orang yang tidak ada, orang miskin, dan kalau hendak diberi nasihat janganlah nasihat itu diberi kepada orang yang degil, maka sia-sialah usaha kita. Kalau kita memberi nasihat atau memberi hukuman yang ringan kepada orang yang tidak menerima nasihat dan orang yang degil yang tidak mahu menerima, bahkan sebaliknya kalau denda itu diringankan maka mereka ini akan tersengeh-sengeh, terlompat-loncat: Ah, itu denda sahaja, macam kera kena belacan nampaknya. Jadi mereka ini akan tersengeh-sengeh seolah-olah: Ah, kalau macam itu denda, dia boleh buat 10 kali lagi sehingga beberapa orang lagi yang akan jadi mangsa kepada tuduhan palsu dan perbuatan yang bohong.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil dari Sandakan mendakwa 70% tanah Labuan kepunyaan Yang Menjawab, iaitu Wakil dari Ulu Padas, tetapi Yang Menjawab menyatakan tanahnya kurang daripada 2%. Setelah Jawatankuasa Hak dan Kebebasan menyiasat dan membuat laporan bahawa tanah Wakil dari Ulu Padas ini 1.54% dan jika dimasukkan tanah-tanah syarikat yang bukan namanya, dari segi Undang-undang Tanah, tanah nama syarikat ini, kalau tak faham Undang-undang Tanah baca Kanun Tanah Negara, bahawa tanah-tanah syarikat bukan kepunyaan sendiri. Jadi kalaulah termasuk juga, kiralah masuk, DAP suruh masuk—masuk 4.5%. Kalaulah 4.5% adakah 70% tanah di Labuan? Kalau sekiranya tuduhan Wakil itu katalah Wakil dari Ulu Padas ini mempunyai 70% tanah tetapi jika siasat didapati benar tanah Wakil Ulu

Padas ini ada 70% pun kita boleh membenarkan, tetapi sekarang ini ada 4.5% daripada tuduhannya 70%. Ini maknanya pembohong besar. Kalau pembohong besar sudah tidak boleh kita terima lagi dan tidak sepatutnya diringan-ringankan. Kalau begini caranya sudah tentu Dewan ini akan jadi perbincangan macam di kedai kopi, macam di kongsi-kongsi gelap, macam penjual-penjual ubat di tepi jalan bercakap itu, bercakap ini, kadang-kadang sampai yang dia bercakap pun dia tak faham.

Tadi orang bertanya, adakah Wakil dari Kepong bercakap menuduh sesiapa? Tidak, pada hal kita tahu beliau bercakap menuduh kita. Bermakna apa yang dia cakap, dia tak faham, jadi macam burung nuri. Ini yang saya maksudkan. Kalau kita tak tahu hendak bercakap janganlah bercakap, kena faham betul-betul dan kalau kita tak tahu Bahasa Malaysia janganlah guna perkataan yang pelik-pelik, guna perkataan biasa; kejamlah, itulah, inilah. Jadi buka kamus, beli kamus banyak-banyak, baca betul-betul, jangan tunjuk pandai yang kita ini mahir dalam Bahasa Malaysia.

Jadi, daripada kenyataan ini dapatlah kita faham bahawa siapa yang pembohong besar, siapa bapa pembohong dalam Dewan ini. Daripada 1.54% dikatakan 70% itu adalah tidak sewajarnya, kalaulah dimasukkan 4.5% tak sepatutnya. Inilah yang dibangkit-bangkitkan. Sebenarnya bukan Wakil dari penyokong Kerajaan yang mencabar keputusannya, Ketua Pembangkang dari Kota Melaka kelmarin telah mencabar keputusan yang dibuat oleh laporan ini. Hari ini Wakil dari Kepong pula bangkit mencabar kita, bercakap belit-belit macam ular. Sebab itu orang dahulu kata kalau kita jumpa ular dengan India, kita pukul India. Sekarang ini kalau kita jumpa India dengan DAP, kita pukul DAP, maka itulah, maknanya belit dia

dahulu. Jadi, begitulah dahsyatnya belit yang dilakukan oleh DAP supaya otak kita ini tidak lagi tertumpu kepada apa yang kita bincangkan pada hari ini.

Itulah harapan saya. Sebab itulah DAP ini masuk dalam Dewan ini banyak membawa berita-berita. Sebenarnya berita yang dibawa itu semuanya tidak benar, sebab itu mereka tidak dapat menawan hati rakyat untuk menakluk sebarang tempat, lebih-lebih lagi kalau di Sabah. Misalnya dia membongkar, katanya buku "Dosa-dosa Parti Berjaya". Kelmarin apabila kita dapat buku itu kata 50% tetapi dia pakai asas buku ini kata 70%. Ini bukan erti kita yang duduk di sini tak erti undang-undang ini, bukan makna tak erti baca. Bukan erti baca itu tak faham, bukan erti kita ini tidak erti undang-undang. Jadi, maknanya kalau baca itu tak faham: Ah, orang itu tak erti undang-undang. Sebenarnya bukan dia tak erti undang-undang, bukan sahaja undang-undang tak erti, baca pun tak erti sehingga faham.

Kalau beginilah taraf pencapaian Wakil daripada DAP, maka tidak sepatutnya kita boleh menerima asas-asas yang dibentangkan kepada kita dan kita tahu bahawa buku "Dosa-dosa Parti Berjaya" itu kalau saya tak silap, saya pun bukanlah tahu sangat sejarah Sabah ini, tetapi setahunya buku itu dikeluarkan oleh parti Kerajaan pada masa itu iaitu USNO dan Parti SCA pada awal tahun 1976 dengan tujuan untuk mengalahkan parti pembangkang, ia itu BERJAYA pada masa itu.

Tetapi malangnya dengan keluarnya buku itu tersibar luas tetapi Parti BERJAYA menang. Ini syabas kepada Parti BERJAYA. Bukan maknanya saya sokong BERJAYA tetapi kebetulan, ia berjaya. Ini bermakna buku yang dikeluarkan itu sudah tidak diterima oleh rakyat Sabah. Kalau diterima oleh rakyat

Sabah dengan buku itu maka sudah tentu Datuk Harris dan juga wakil dari Ulu Padas ini tidak akan menyangkerusinya, tidak akan menggantikan tempat Kerajaan yang memerintah di Sabah. Jadi, ini buktinya dan kita tahu. Janganlah kita membuat sesuatu itu, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang kita tahu wakil dari Ulu Padas ini sebagai wakil yang menjawab tuduhan yang dilemparkan oleh wakil dari Sandakan yang tidak bertanggungjawab dan membuat tuduhan yang palsu.

Wakil dari Ulu Padas ini telah mengeluarkan sebarang dokumen yang diminta tetapi kalau Pengerusi tidak kehendaki walaupun dia volunteer hendak beri tetapi Pengerusi tak hendak, kerana dia tidak mahu, dia tidak ahli dalam bahagian yang menentukan dokumen yang diberi itu maka itu tidak menjadi masalah . . . . .

**Tuan Karpal Singh:** *(Bangun).*

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya, apa hendak?

**Tuan Karpal Singh:** Point of order.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Minta jalan. Boleh bagi?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Boleh.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sila.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, tadi Ahli Yang Berhormat ada sebut dalam Dewan ini jikalau orang India dan ular, ketuk orang India dahulu. Ini jadi satu tuduhan yang buruk. Orang yang kurang ajar juga boleh cakap begitu, Tuan Speaker. Bolehkah saya . . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Karpal Singh:** Apakah ini India dan ular?

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh** minta duduk dahulu.

**Tuan Karpal Singh:** Ini jadi tugas Tuan Speaker untuk menahan, menahan Ahli seperti itu. Tak Boleh perkataan . . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk.

**Tuan Karpal Singh:** Apa sila duduk, Tuan Speaker. Tuan Speaker tidak . . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk dahulu.

**Tuan Karpal Singh:** . . . . . buat tugas Tuan Speaker sendiri. Itulah apa yang dalam fikiran saya.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya minta Ahli Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Karpal Singh:** Bolehkah seorang Ahli Yang Berhormat berdiri di sini perkauman. Ular dan India, ketuk orang India dahulu.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya hendak bagi penerangan.

**Tuan Karpal Singh:** Saya hendak keputusan, oleh kerana apa Tuan Speaker tidak menahan, menahan celaka ini. Itu saya hendak tahu.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, untuk penerangan mengapa saya tidak menegur Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh menyebut perkataan India dan ular kerana dalam peribahasa Melayu ada menyatakan jika kita berjumpa ular dengan India, pukul India dahulu. Ini peribahasa. Ia tidak . . . . .

**Tuan Karpal Singh:** Di manakah peribahasa ini? Di mana? Jangan main-main Tuan Speaker. Ini jadi satu hal yang serius. Tidak boleh begitu di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong . . . . .

**Tuan Karpal Singh:** . . . . . aturan sendiri dan Tuan Speaker pun sokong boleh. Ini bukanlah satu sikap yang baik, tidak boleh diterima oleh kaum India dalam negara ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sila baca peribahasa itu, kena belajar lagi Bahasa Melayu. Ini ada perumpamaan dan peribahasa. Ini kita tak boleh mengeneipkan perkara ini. Kalau tak tahu, kena belajar. Jangan mencabar sesiapa di dalam Dewan ini.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, bolehkah Tuan Speaker tunjuk di mana ada itu perkataan. Boleh tunjuk? Jangan buat demikian, Tuan Speaker. Ini jadi satu hal yang tidak boleh berlaku dalam Dewan ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya tak benar lagi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bangun bercakap. Saya hendak beri penerangan. Kalau hendak tahu sama ada ada atau tidak peribahasa yang saya sebut tadi ini, sila rujukkan kepada . . . . .

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, jikalau ada peribahasa begitu tidak baik, kena tarik balik. Orang Melayu tidak boleh buat begitu kepada orang lain keturunan India yang ada warganegara dalam negeri ini. Ini sikap yang tidak boleh diterima oleh orang India yang warganegara di sini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, saya suka menarik perhatian bahawa Ahli Yang Berhormat telah menggunakan bahasa biadap kepada Ahli Yang

Berhormat dari Pasir Puteh iaitu menyebut perkataan "kurang ajar" dan "celaka". Maka saya meminta Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menarik balik perkataan tersebut.

**Tuan Karpal Singh:** Yang celaka, yang kurang ajar tarik balik, ini perkataan yang ada disebutkan . . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya sudah membuat ruling tadi.

**Tuan Karpal Singh:** Apa ruling itu, tidak boleh diterima (*Disampuk*).

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya sudah membuat ruling bahawa apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu adalah satu peribahasa dalam Bahasa Malaysia.

**Tuan Karpal Singh:** Apa peribahasa ini? Bolehkah tunjuk di mana? Apa macam peribahasa ini. Tidak boleh ada dalam buku.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Jelutong duduk! Ini menunjukkan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong Jahil dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia belum cukup dan diharap beliau akan belajar lagi menambahkan ilmu pengetahuan dalam Bahasa Malaysia. Sekali lagi saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menarik balik perkataan "kurang ajar" dan perkataan "celaka" yang ditujukan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh pun bercakap begitu juga. Itu boleh.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Ha, saya tarik balik.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Beliau tarik balik dan minta Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Karpal Singh:** Beliau tidak ada apa-apa spirit yang baik. Apa pun boleh cakap, tarik balik. Kami bukan begitu dalam DAP. (*Disampuk*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Saya harap bahawa satu ruling boleh dibuat sama ada sungguhpun ada peribahasa itu bukan bererti ada peribahasa itu parliamentary. Semoga ada perkataan yang perkauman atau kurang ajar bukan bererti ada perkataan dalam kamus atau ada peribahasa itu parliamentary dan saya harap bahawa satu ruling dibuat bahawa semenjak hari ini peribahasa semacam itu tidak boleh digunakan . . . (*Disampuk*) oleh kerana inilah akan menyakitkan-akan menyakitkan perasaan sensitivity semua kaum. Sebenarnya satu insult kepada kaum India, semua orang India diinsult oleh semacam ini. Itu tak boleh kita benarkan. Kita tidak mahu Dewan ini menjadi satu arena di mana kita menyakitkan kaum. Kita tidak mahu sikap perkauman semacam ini. Saya harap satu ruling parliamentary . . . . . oleh kerana kalau tidak semua kaum India menjadi satu target insult oleh Dewan ini. Ada peribahasa tetapi unparliamentary tak boleh digunakan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Orang bodoh, jangan lawan. Biar saya bercakap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu orang perkauman, sudah tunjukkan dengan sikap perkauman.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya minta Dewan ini bertenang.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** (*Bangun*).

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Duduk! Saya belum selesai lagi buat ruling. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah meminta saya buat ruling supaya peribahasa itu ditarik balik. Menurut Aturan Peraturan yang

berjalan bahasa ini adalah kepunyaan semua orang ramai bukan kepunyaan seorang. Saya tidak boleh membuat ruling supaya peribahasa tersebut ditarik balik selagi tidak dibuat keputusan oleh pihak Kerajaan atau pihak yang berkuasa. Jadi peribahasa itu tetap ada selagi tidak dibuat keputusan menarik balik. Sekali lagi saya menyeru Ahli Yang Berhormat dari Jelutong supaya menarik balik perkataan "kurang ajar" dan "celaka" yang ditujukan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Ini menurut Aturan Peraturan Mesyuarat 44 (1).

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Speaker Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada buat satu permohonan untuk membuat satu ruling atas perkara yang serius. Tuan Speaker tidak membuat ruling. Jikalau tidak membuat ruling, saya pun tidak boleh tarik balik. Itu pendirian saya.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya sudah pun membuat ruling tadi bahawa peribahasa tetap peribahasa, tak boleh ditarik balik oleh seorang Yang di-Pertua dalam Dewan ini. Itu hak kepunyaan orang ramai.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu hak kepunyaan orang ramai tetapi unparliamentary tidak digunakan di sini oleh kerana boleh menyakitkan dan boleh menghinakan semua orang India dalam Malaysia. Tak boleh dibenarkan, sungguhpun peribahasa itu kita tidak boleh mempertahankan, mencegah sesiapa gunakan peribahasa itu di luar Dewan tetapi dalam Dewan ini tak boleh digunakan, kita mahu teladan, teladan melalui pimpinan. Adakah kita pimpinan atau tidak pimpinan atau kita mahu menunjuk, kita semua maki orang—kaum, menghina kaum, itulah masalah. Ini dignity Dewan yang tetap dalam perkara ini.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya tetap dengan keputusan saya tadi bahawa setiap peribahasa yang telah diterima beratus-ratus tahun itu akan kekal sebagai peribahasa, tak boleh ditarik balik atau dihapuskan oleh satu Dewan ataupun satu keputusan Majlis. Jadi . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, lagi point of order. Perkataan "kurang ajar" pun tidak boleh dihapuskan dalam masyarakat kalangan Malaysia, kalau ada gunakan di luar Dewan. Sebab itu kalau peribahasa itu boleh digunakan, "kurang ajar" pun boleh digunakan kerana tak boleh dihapuskan pun.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, mengikut Aturan Peraturan Mesyuarat, bila Yang di-Pertua benarkan Yang Berhormat bercakap, baru boleh Yang Berhormat bangun dan bercakap. Ini menunjukkan Yang Berhormat tidak menghormati Dewan ini, Tidak menurut . . . . (*Tepuk*) (*Disampuk*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Hormat rakyat, hormat semua kaum di Malaysia lebih mustahak.

**Tuan Yew Foo Weng.** (*Bangun*).

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya belum selesai lagi membuat ruling. Menurut Aturan Peraturan Mesyuarat 44 (1), saya bacakan:

"44. (1) Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena mengena dengan perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya

sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam sesuatu perbahasan, boleh memerintahkan ahli itu suruh berhenti bercakap.

- (2) Pengerusi hendaklah memerintahkan siapa-siapa ahli yang berkelakuan haru-biru, keluar dengan serta merta daripada Majlis Mesyuarat hendaklah menjalankan apa-apa perintah yang diterimanya daripada Pengerusi atau daripada Yang di-Pertua . . . . .”

Jadi sekarang saya menyebut Aturan Peraturan Mesyuarat 44 (1) dan (2), saya memerintahkan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong menarik balik perkataan “kurang ajar” dan “celaka”, sila.

**Tuan Karpal Singh:** Saya sudah kata, Tuan Speaker, saya tidak boleh menarik balik, atas nama masyarakat dalam negara ini, khasnya orang-orang India yang jadi warganegara dalam negara ini tidak boleh tarik balik, angkat tindakan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 44 (1) dan (2), maka saya memerintahkan Bentara, sila membawa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong keluar daripada Dewan ini (*Tepuk*). Sila iringkan beliau keluar.

**Tuan Karpal Singh:** Saya sendiri keluar, Tuan Speaker, tidak payah.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Pastikan dia keluar daripada Dewan. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh meneruskan hujah beliau, sila.

**Seorang Ahli Yang Berhormat:** Keluarlah cepat!

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan peribahasa saya itu, nyatalah bahawa pihak DAP ini banyak pembelitnya, kalau dia marah perkataan pembelit yang saya gunakan perumpamaan itu, itu menyatakan bagaimana belitnya, ular itu belit, belit lagi perumpamaan yang saya kata tadi iaitu belitnya percakapan yang digunakan oleh pihak DAP . . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya harap teruskan hujah, sila teruskan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Jadi perumpamaan yang ada di sini yang saya sebutkan ini adalah perumpamaan yang telah digunakan oleh orang Melayu bertahun-tahun dahulu, beratus-ratus tahun sebelum orang India datang ke sini. Malah mula-mula orang India dan orang-orang Cina datang ke negara ini sebagai satu bangsa “migrant” di negara ini.

Jadi peribahasa inilah yang kita gunakan, kalau timun, kita panggil timun Cina, takkan hendak panggil timun Melayu. Kalau pisang, pisang kelat Keling, ha! takkan tidak boleh kata Keling. Kalau Tanjung, Tanjung Keling, itu nama. Perumpamaan begitu juga. Kalau baju, orang Melayu pakai baju Melayu, perumpamaan ini tidak pernah bergaduh, tetapi yang hairannya hari ini yang bergaduh. Fasal telinganya pedas kerana apabila saya katakan bagaimana belitnya hujah yang dibawa oleh mereka sepertilah ular belitnya. Tetapi belit lagi yang satu lagi.

Jadi inilah yang saya katakan bagaimana belitnya yang dibuat oleh mereka itu menyebabkan kita terpesong daripada apa yang kita hendak bincangkan di sini. Jadi kalau tidak faham pihak DAP, pihak daripada Jelutong, pihak daripada Kepong dan pihak daripada Kota

Melaka sendiri, Ketua Pembangkang, kalau tidak faham perumpamaan Bahasa Melayu, perumpamaan, peribahasa, kata-kata sindiran, belajar, jangan cepat marah, jangan cepat naik darah dan belajar mana bahasa biadap, mana bahasa yang tidak betul. Ini hendak tunjuk pandai. Kokok berderai-derai, ekor bergelumang tahi. Kalaulah tidak tahu janganlah kita menuduh.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menyebut beberapa perkara, saya tahu bahawa Wakil dari Ulu Padas adalah berasal daripada Labuan, anak jati pulau tersebut. Apakah harus kita dengki, apakah harus kita dengki kalau dia mempunyai tanah yang dimiliki sebelum dia menjadi Ketua Menteri atau sebelum jadi Menteri, harta pesaka ayahnya pun ada banyak di situ, jadi apa yang kita hendak dengki. Jadi kalaulah kita dengki kalau harta pesaka datuk nenek dia, kalau dia beli pun, beli semasa dia tidak memegang kuasa sebagai Ketua Menteri, apa salahnya.

Sebagaimana saya tahu bahawa Yang Berhormat dari Ulu Padas ini pernah berniaga, saya baca sejarahnya, daripada tahun 1971 rasanya, daripada tahun 1971 sehingga tahun 1976 selepas dia tidak jadi Menteri. Jadi kalaulah ada seorang anak bumiputera yang memiliki harta, inipun bukan yang terkaya dalam Sabah atau dalam Malaysia, kalau kita bandingkan dengan jutawan-jutawan yang ada di negara kita. Ini hendak dibangkitkan. Ini bagaimana kedengkian, bukan kejujuran yang ditimbulkan oleh satu pihak yang tidak sepatutnya di dalam Dewan ini dan diminta pula, ha! perkara ini mesti disiasat, siasatlah. Cabar di luar Dewan minta disiasat dan dibawa ke mahkamah, boleh kita jalankan perbicaraan, tetapi wah! pihak dari Sandakan menyatakan dari segi kejujuran, membela hak rakyat tetapi perbuatan mereka itu adalah

merupakan satu kedengkian kepada kejayaan seorang anak bumiputera. Ini dia Ketua Menteri, kalau tidak Ketua Menteri pun, berlambak-lambak harta jutawan yang telah membolot, mengikis kekayaan ekonomi negara ini tidak pernah disebut. Inilah yang menyedihkan kita kepada anak Melayu seorang yang cuba hendak kaya, cuba naik. Wah! kerana kuasa tetapi malangnya itulah kalau kepada diri sendiri ha, "tiam-tiamlah", sama-sama makan, perut sama isi, kalau kepada seorang Melayu macam ini, wah!

Ini bukan satu perkara yang luar biasa, satu perkara yang biasa telah timbul, kalau nampak kita telah memegang kuasa politik di dalam negara ini. Kita berhak mencari kekayaan dan juga agama Islam telah membenarkan kita mencari kekayaan dunia seolah-olah kita akan hidup selama-lamanya dalam dunia ini. Asalkan kita tidak dengki, tidak menipu, tidak bercakap bohong, tidak memeras orang, tidak mencekik tengkuk orang, tidak menipu orang, sudah. Ini yang kita hendak. Mencari harta yang halal, harta datuk nenek dia, apa peduli. Kalau kita tidak dengki.

Jadi inilah perbuatan-perbuatan yang kita kata seolah-olah macam kita ini tidak tahu kedudukan sebenarnya. Jadi kalaulah harta yang dicari oleh Wakil Yang Berhormat dari Ulu Padas ini adalah hasil daripada titik peluhnya berniaga, syabas! syabas! perbuatannya dan ini merupakan anak Melayu, kebetulan jadi Ketua Menteri. Tetapi kalau orang lain jadi Ketua Menteri pun kekayaannya tidak akan boleh dihilangkan, tidak boleh dirampas, ini negara demokrasi, kerana hasil usahanya sendiri, itu adalah dijalankan. Tetapi oleh kerana kita tidak dapat, kita terpaksa dengki, kita terpaksa sebut hartanya, itu sahaja.

Jadi itulah perkara-perkara yang patut kita ingat bahawa ucapan dalam Dewan ini janganlah kita sangka orang lain itu bodoh, tidak erti baca itu, seolah-olah macam dia sendiri itu bodoh. Janganlah sangka begitu. Walaupun kita ada, walaupun kita tidak peguam, apakah kita mesti berbohong dalam Dewan ini. Kita mesti membuat tuduhan palsu. Seolah-olah macam kita tidak erti baca buku, walaupun kenyataan yang kita buat dalam Dewan ini tidak merupakan tafsiran dalam undang-undang yang mahkamah tidak boleh terima. Tetapi apakah mesti kita kata benda yang tidak benar. Ha, kalau pihak kita tidak pernah mengatakan perkara yang tidak benar, kalau Pembangkang tafsirkan dia boleh mengatakan perkara yang tidak benar, salah, ini bukan lagi Ahli Dewan, orang telah terpesung dan fikiran tersongsang, tiap-tiap suatu kesilapan yang dilakukan walaupun sedikit itu merupakan satu kesilapan yang tidak boleh dimaafkan kepada golongan Wakil Rakyat, golongan orang yang diberi kepercayaan oleh rakyat untuk berfikir dan berkata dengan jujur dan benar.

Kalau ini tidak dipegang sudah tentu orang ini tidak siuman lagi. Jadi hukuman yang berat bukan ini sahaja, lebih berat dari ini patut diberi kepada mereka yang bersalah. Jadi kalau itulah sikap DAP, kalau inilah pendirian DAP menganggap sebarang percakapan boleh bohong, kerana tidak peguam, boleh berkata yang tidak benar, kalau inilah sikap DAP, kalau inilah pendirian DAP, maka sebarang kenyataan yang dikeluarkan oleh DAP selama ini dalam Dewan adalah kenyataan yang tidak benar, kenyataan tuduhan yang palsu, yang tidak boleh diterima oleh rakyat. Itulah sebab maka mereka tidak dapat meragut atau tidak dapat diterima oleh rakyat sebagai satu orang yang jujur dan memperjuangkan hak-hak bagi keamanan dan keharmonian

dalam negara ini, kerana sebarang tuduhan, sebarang kenyataan yang dikeluarkan dalam Dewan ini merupakan satu cara untuk mendapat publisiti murah untuk kepentingan diri dan juga politik mereka yang begitu sempit, yang penuh dengan perkauman yang pekat dan gelap bagi kita untuk kemajuan negara kita pada masa yang akan datang.

Kita hendaklah menghormati Dewan ini sebagai tempat perbincangan yang sihat dan waras tanpa diceburi oleh nafsu-nafsu jahat dan kepentingan diri menengking-nengking dan menyalak-nyalak seperti anjing menyalak bukit.

Ucapan saya pada hari ini agak kasar kerana untuk menentang kekasaran yang dilakukan oleh pihak DAP yang tidak begitu waras dan sihat dalam membincangkan usul yang diberikan kepada kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadikanlah diri kita sebagai orang yang beriman dan bersyukur dengan apa yang dikurniakan oleh Tuhan kata Allah takut tidak faham—Kepada kita, jangan jadi kita seperti anjing dengan bayang-bayang selalu tamak. Apa yang ada semua puas bangkit sini, bangkit sini. Misalnya, saya dengar tadi \$1.5 yang juta diberi oleh Kerajaan British kepada pelajar-pelajar di Britain, jawapan diberi oleh Timbalan Menteri, 19 orang Melayu, 332 orang bukan Melayu, tak ada soalan tambahan. Begitu puas sekali tetapi kalau jawapannya 312 orang Melayu, 19 bukan Melayu, bercelabah bangun tanya soal tambahan, mengapa itu mengapa ini. Inilah cara perjuangan yang saya katakan perjuangan yang tidak jujur yang tidak mengikut hasrat yang dikehendaki yang mempunyai perasaan sesuatu yang tidak baik untuk kepentingan diri dan kepentingan mereka sendiri

kepentingan parti dan kepentingan golongan mereka, perkauman yang pekat yang tidak boleh diterima oleh rakyat kita di zaman ini.

Janganlah dalam Dewan ini kita keluarkan hujah-hujah untuk menegakkan satu perkara yang tidak benar. Satu perkara menegakkan benang yang basah. Misalnya, segala yang dikeluarkan oleh Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini telah menyatakan bahawa Wakil dari Sandakan telah bersalah. Kalau katalah 4.5% kepunyaan wakil dari Ulu Padas—4.5% dikatakan 70%. Ini kesalahan yang besar tak boleh diterima, kalau dikatakan 5% tak apa juga tetapi 70% tak masuk di akal. Ini yang sedih. Kalau dia kata tak sampai 2%, tiba-tiba ada 2.1% itupun boleh tahan sedikit. Jadi benda-benda seperti ini janganlah kita anggapkan satu perkara yang ringan dan kecil dan anggapkan ini satu perkara yang boleh kita mengambil tindakan yang sekeras-kerasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka hendak menyebut beberapa perkara bahawa kita di sini bukanlah hendak mencabar keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa, cuma kita hendak memberi hukuman yang lebih adil, hukuman yang lebih setimpal dengan perbuatan yang dilakukan oleh wakil dari Sandakan kerana perbuatan itu adalah perbuatan yang akan dilakukannya beberapa kali, selagi ada DAP selama itu dia akan lakukan. Oleh kerana ini pertama kali berlaku, inilah yang patut kita keraskan supaya jangan pisang berbuah dua kali. Kalau kita ringankan perkara ini maka sudah tentulah perkara ini akan berulang lagi kerana sebagaimana saya kata tadi kita hendak beri nasihat jangan kita beri nasihat kepada orang-orang yang degil; kalau kepada orang yang baik tak apa. Kalau makin nasihat kalau kita tak kenakan, hukuman "lu" bodoh. Itu jawabnya. Inilah perkara-perkara yang patut kita ingat setiap

apa yang kita lakukan ini biarlah berkesan. Kalau kita pukul ular, ular biar mati—kalau tidak beri kata ular, kena kata ular—ular beri mati, kayu jangan patah, tanah jangan lebam. Dan janganlah kita belit-belit sangat seperti ular membelitnya, cakap yang terang, terus terang supaya kita senang membuat keputusan.

Jadi dengan ini saya menyokong sepenuhnya-bahawa hukuman tambahan atau gusaran yang diberi oleh pihak wakil dari Silam ini patut diterima dan patut diberi sokongan sepenuhnya supaya mereka yang terlibat akan sedar bahawa mereka ini telah bersalah dan melakukan kesalahan pembohongan yang besar di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

4.35 ptg.

**Tuan Yew Foo Weng (Menglembu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sepenuhnya hukuman tambahan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru-baru ini membaca Laporan dari Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan saya memberi pandangan saya sebagai seorang yang bebas, tidak ada berkaitan dengan orang yang mendakwa dan orang yang menjawab. Dan, pada hemat saya, laporan ini adalah jelas sekali yang mendakwa itu adalah membuat tuduhan yang liar iaitu Ketua Menteri Sabah sendiri yang memiliki kira-kira 70% daripada tanah di Labuan. Jadi keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa ialah tuduhan ini adalah palsu. Jadi hukuman yang dicadangkan oleh Jawatankuasa ini adalah terlalu ringan dan dengan ini saya menyokong pindaan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam iaitu memberatkan hukuman iaitu Ahli

Yang Berhormat dari Sandakan mestilah dihukum dengan hukuman iaitu dengan digantungkan daripada menghadiri persidangan dalam Dewan Rakyat sepanjang sidang Belanjawan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa perkara ini adalah menyelewengkan masa Dewan yang mulia ini dan seorang ahli yang membuat tuduhan liar iaitu Ahli dari DAP yang selalu suka membuat tuduhan liar dan di dalam penyiasatan Jawatankuasa Ahli Yang Berhormat dari Sandakan adalah membuat salah. Jadi saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Sandakan menerima apa-apa hukuman yang wajar sebagai seorang gentleman dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi adalah membuat rayuan bagi pihak Ahli dari Sandakan dan saya rasa itu tak perlu kerana kita ada urusan lain dan perkara yang penting hendak dibahaskan dalam Dewan ini. Dan saya rasa perbahasan ini seterusnya adalah menyelewengkan masa Dewan ini.

Dengan ucapan yang pendek saya ini saya menyokong sepenuhnya pindaan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam iaitu memberatkan hukuman yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas.

4.37 ptg.

**Tuan Mohamed Yussof bin Haji Yakob (Hilir Padas):** Saya berdiri ingin menyertai perbahasan untuk menyokong usul pindaan yang dicadangkan oleh saudara saya dari Silam mengenai usul yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri pada petang kelmarin.

Saya sangat-sangat setuju dengan keputusan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Sandakan sengaja

mengelirukan Dewan ini menerusi kenyataan palsunya pada 31hb Oktober, 1983 dengan tujuan yang mengaibkan nama baik seorang Ahli Dewan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas.

Ahli-ahli Pembangkang, Tuan Yang di-Pertua, memanglah terkenal dengan sifat mereka selalu melemparkan tuduhan-tuduhan liar dan tidak berasas di bawah perlindungan istimewa yang diberikan oleh Dewan. Sementara kita diberi perlindungan dan keistimewaan oleh Dewan ini, tidak siapapun berhak menyalahgunakannya, jauh sekali untuk merosakkan nama baik atau menjatuhkan kewibawaan seseorang ahli. Jika ada yang berbuat demikian, itu adalah perbuatan yang memalukan dan hendaklah dihukum sewajarnya supaya orang lain tidak berbuat demikian.

Saya sifatkan hukuman yang telah dicadangkan terlebih dahulu itu adalah terlalu ringan dan tidak seimbang dengan kecemaran yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Sandakan terhadap nama baik ahli dari Ulu Padas sebagai Ketua Menteri yang memerintah di negeri Sabah.

Sebenarnya ahli Pembangkang tidak akan kehilangan apa-apa jika dihukum sebegitu ringan. Bahkan mereka beruntung serta mendapat liputan sensitif mengenai kedurjanaan mereka. Pada 31hb Oktober, 1983, Ahli dari Sandakan telah mengelirukan Dewan ini apabila mengatakan bahawa Ahli dari Ulu Padas seperti yang kita tahu telah dituduh mempunyai sebanyak 70% daripada keluasan tanah di Pulau Labuan. Ia sedar tidak akan dapat membuktikan kenyataan ini jika ia dikehendaki berbuat demikian oleh Dewan.

Dengan membuat kenyataan palsu, dia hanya mempunyai satu tujuan iaitu mengaibkan Ahli dari Ulu Padas

selaku Ketua Menteri Sabah. Sejauh yang diketahui, Ahli dari Sandakan tidak pernah menyatakan bahawa tanah-tanah kepunyaan Ahli dari Ulu Padas itu termasuk tanah-tanah kepunyaan keluarga dan syarikat-syarikat di mana ia mempunyai saham. Jawatankuasa Dewan yang berhak menolak segala hujah-hujah yang dikemukakan oleh peguam Ahli dari Sandakan bahawa segala tanah yang dipunyai oleh keluarga dan syarikat di mana Ahli dari Ulu Padas mempunyai saham dimasukkan sama.

Keputusan Jawatankuasa yang mengarahkan Ahli dari Ulu Padas hanya mempunyai 140.38 hektar atau 1.54% di Pulau Labuan, dengan jelas menunjukkan segala dakwaan Ahli dari Sandakan itu ialah dosa dibuat semata-mata untuk mengelirukan Dewan ini.

Sementara Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan telah membersihkan nama baik Ahli dari Ulu Padas dan membuktikan kebohongan Ahli dari Sandakan, suatu perkembangan baru berlaku pula di dalam perkara yang sama. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu liputan akhbar yang tersiar di muka 4 *The Star* keluaran 21hb Julai, 1984 di bawah tajuk, dengan izin, "Two lots were transferred to two firms". Setelah membaca laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan, saya mengambil kesimpulan bahawa liputan akhbar itu adalah tidak benar dan memutarbelitkan segala fakta yang tercatat di dalam laporan itu.

Ahli dari Ulu Padas berkali-kali membantah hujah-hujah peguam Ahli dari Sandakan bahawa kedua-duanya tanah di Pulau Labuan dipindahmilik setelah tuduhan dibuat dalam Parlimen. Tetapi liputan akhbar gagal atau tidak langsung menyebutkan tentang bantahan-bantahan tadi dan sebelumnya melapurkan bahawa

kedua-dua tanah itu ditukar milik setelah tuduhan dibuat di dalam Parlimen. Saya fikir adalah lebih baik jika saya memetik laporan Jawatankuasa di muka 23 Tuan Yang di-Pertua tentang apa yang sebenarnya dikatakan oleh Ahli dari Ulu Padas dalam hujahnya.

Dalam muka 23 katanya "Nanti dahulu! Itu didaftarkan atau waktu saya tandatangan transfer form, kadang-kadang mereka memakan masa 2, 3 tahun. Boleh check transfer form, boleh tahu bila saya tandatangan".

Tetapi malangnya apa yang diperkatakan itu dipersengajakan untuk disiarkan di suratkhbar dan juga seterusnya di muka 25 Ahli dari Ulu Padas dipetik seperti berkata, "Di sini kita mesti buktikan dahulu tuduhannya jawapan yang mengatakan 70%. Itu adalah cakap palsu, cakap bohong dalam Parlimen. Selepas itu, Jawatankuasa, bukan Pembangkang, Jawatankuasa boleh tanya saya fasal saya di Parlimen, saya bukan kena tuduh fasal 2%. Itu Jawatankuasa yang boleh tanya.

Yang kedua, saya mahu direkodkan kerana cara peguam bercakap balik-balik tadi ditukar selepas kenyataan dalam Parlimen. Jadi, saya mahu Memorandum of Transfer jadikan keterangan dalam rekod Jawatankuasa, kerana tuduhan itupun serious yang mengatakan saya transfer selepas membuat kenyataan dalam Parlimen. Jadi, saya mahu itu juga direkodkan supaya Registrar boleh dipanggil dan Memorandum of Transfer sebagai keterangan dalam Jawatankuasa ini kerana biasanya yang saya tahu memakan masa tukar-menukar ini. Jadi, ada orang yang punya dia sign sahaja berapa haribulan".

Laporan Jawatankuasa menunjukkan bahawa Pendaftar Tanah telah hadir memberi bukti

kepada Jawatankuasa itu dan menyerahkan Memorandum Tukarmilik kedua-duanya tanah tersebut seperti lampiran H dan I dalam laporan Jawatankuasa. Walaupun satu lot tanah telah dipindahmilik kepada Jamil bin Haji Mat Isa. Nama sebenarnya iaitu Haji Zainal bin Haji Mohd. Isa sepatutnya kita catit di dalam Memorandum Tukarmilik lampiran H yang ada di sini pada 9hb Januari, 1984 dan lot-lot yang satu lagi kepada Sejati Sdn. Bhd. pada 29hb November, 1983.

Sebenarnya kedua-dua Memorandum Tukarmilik itu didaftarkan masing-masing pada 13hb November, 1979 dan 1hb September, 1983. Apabila seorang itu telah menandatangani Memorandum Tukarmilik Tuan Yang di-Pertua, dan menyerahkan kepada Pejabat Tanah maka segala hakmilik kepada tanah tersebut terputus dengan serta-merta. Segala pihak akhbar membuat segala fakta-fakta penting ini bukan sahaja mengelirukan gambaran sebenar perkara itu bahkan menimbulkan tandatanya tentang kewibawaan Ahli dari Ulu Padas. Ini adalah satu perkara yang sangat mustahak sebab sementara, Jawatankuasa membersihkan nama dan kewibawaannya liputan akhbar itu tetap menimbulkan beribu tandatanya. Liputan akhbar yang begitu menghina mengenai sidang Dewan atau Jawatankuasa Dewan ini tidak patut dibiarkan begitu saja. Harian *The Star* hendaklah diminta memberi penjelasan tentang tujuannya memutarbelitkan keadaan sebenarnya.

Saya ingin mengatakan apa yang telah diperkatakan oleh saudara daripada Kepong tadi, beliau telah mengatakan apakah kesannya daripada hujah-hujah ataupun tuduhan-tuduhan daripada Ahli dari Sandakan. Inilah satu daripada tuduhan yang mengatakan tidak

benar. Kalau ini dibaca oleh berjuta-juta manusia di seluruh negara sudah tentu satu kekeliruan akan berlaku, mengatakan bahawa Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah, Ahli dari Ulu Padas berbohong. Jadi, inilah satu dosa yang besar seperti yang dikatakan oleh saudara saya dari Pasir Puteh adalah satu dosa bohong yang besar dan tidak boleh dimaafkan. Dan inilah satu tektik DAP terutama sekali dari Sandakan.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sahaja kali yang pertama beliau berbuat demikian. Bukan kali pertama. Kalau kita lihat Harsard Report pada 13hb Oktober, 1982 beliau telah membuat beberapa tuduhan tetapi kita tidak mengambil peduli masa itu. Kita biarkan sahaja. Kalau diizinkan beliau pernah berkata, "To some strengthening the institution of democracy means indulging in the politics of blackmail, intimidation, oppression and indulgence." Selepas itu beliau berkata, "After the Barisan Nasional lost the seat in Sandakan to me, again, in April, 1982 General Election, the Sabah Chief Minister swore to punish the people of Sandakan. He bragged and ranted in fumed that these would be no development for Sandakan".

Sebenarnya, ini adalah bohong Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat semua rakyat seluruh Malaysia melihat Sandakan tidak dikesilkan dan tidak diketepikan malahan Y.A.B. Perdana Menteri yang telah melawat kelmarin telah mengatakan bahawa Sandakan tidak pernah diperkecilkan, tidak pernah ditinggalkan. Segala pembangunan baik di dalam segi projek yang dilaksanakan oleh Persekutuan ataupun negeri Sabah terus dilaksanakan.

Ini adalah menunjukkan satu kebohongan, satu dosa. Kita tidak mengambil apa-apa. Kita tidak mengambil tindakan hanya baru pada hari ini kita ambil tindakan, kerana

manusia Tuan Yang di-Pertua mempunyai kesabaran. Setiap manusia mempunyai kesabaran dan mempunyai hak-hak yang tertentu. Kerana kalau sudah manusia itu selalu kena pijak sana-sini, dia tidak akan sabar kerana kata pepatah, kalau orang di Brunei kata, saya orang Brunei, kata orang Brunei "Kalau diusik-usik jangan sekali". Orang tidak boleh diusik. Sekali boleh, dua kali boleh. Kalau tiga kali, ia pun tetap mengambil tindakan yang tertentu. Bukan mengambil tindakan sebarang tindakan, tindakan selaras dengan undang-undang.

Tindakan selaras dengan peraturan-peraturan yang ada yang telah kita tetapkan. Kita tidak mahu diperbohong-bohongan. Kita tidak mahu lagi didusta-dustakan kerana kita telah dewasa. Apatah lagi di Dewan yang mulia ini yang kita anggap sebagai Dewan yang suci dan murni. Apakah seorang Ahli bisa membohongkan kita. Apakah kita harus terima ini selama-lamanya? Apakah kita harus lepaskan seseorang itu begitu sahaja? Kalau tidak, nescaya di masa-masa akan datang banyak lagi Ahli-ahli yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan daripada keistimewaan dan kebebasan yang diberikan oleh Parlimen ini untuk membawa dakwaan-dakwaan palsu yang ingin mengelirukan bukan sahaja Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini tetapi juga akan mengelirukan masyarakat di negara ini.

Jadi, dengan itulah saya berharap supaya apa sahaja tindakan yang kita ambil seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari silam itu adalah setimpal yang harus disokong dan harus dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga dibangkitkan tadi soal petikan daripada sebuah buku "Dosa-dosa BERJAYA". Kita tahu bahawa buku itu telah diterbitkan oleh segelintir

masyarakat yang tidak ingin hendak melihat kejayaan yang telah diperolehi oleh parti BERJAYA memerintah Negeri Sabah mulai daripada tahun 1976. Inilah kerja segelintir golongan masyarakat yang ingin mempurak perandakan keadaan kerana mereka ini kecewa dan mereka kecewa oleh disebabkan mereka kalah di dalam pilihanraya yang lalu. Mereka tidak lagi menampung ataupun dapat kuasa jadi mereka berasa kecewa. Kalau orang berasa kecewa, kalau orang ini dilanda kekecewaan segala tindak-tanduk mereka akan tidak lagi berlandaskan kepada keimanan, tindak-tanduk mereka akan dipengaruhi oleh dosa bohong dan sebagainya, dan itulah kebanyakannya terdapat daripada yang tercatat di dalam buku "Dosa-dosa BERJAYA". Jadi, kalau mengatakan bahawa "Dosa-dosa BERJAYA" telah mengemukakan bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas mempunyai 70% tanah mengapa kita mesti mengambil petikan ini, mengapa kita tidak selidik sebenar-benarnya kerana kepada seorang manusia perkataan itu lebih merbahaya daripada apa yang kita buat. Andai kata pepatah Melayu "Terlajak perahu boleh ditahan, terlajak kata parah padahnya". Jadi, kata-kata itulah yang memusnahkan kita. Kita seharusnya tidak sewenang-wenangnya melemparkan kata-kata yang tidak bertanggungjawab, mendakwa itu dan ini. Seharusnya kita sebagai seorang Ahli Parlimen mempunyai kewibawaan tidak semestinya melemparkan sesuatu kenyataan dengan tidak diteliti sepenuh-penuhnya.

Saya berasa kesal, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang terhormat dari Sandakan seperti mana saya katakan tadi, sering kali diwarisi oleh fikiran yang sedemikian rupa, fikiran seolah-olah kebudak-budakan. Apakah ini jadi warisan kita semua sebagai Ahli

Parlimen yang bertanggungjawab. Kalau inilah yang menjadi warisan budaya kita untuk membohong-bohong manusia, saya tidak tahu apakah kita akan dapat menempuh satu kejayaan di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kita bernasib baik sebagai Ahli di Dewan yang mulia ini diberi hak keistimewaan kebebasan untuk bercakap. Kita bernasib baik kalau dibandingkan dengan orang lain di luar Dewan ini. Tetapi apa yang mendukacitakan saya ialah kebebasan ini disalahgunakan. Mengapakah kebebasan yang kita anuti itu, yang telah diberikan itu disalahgunakan, disalahgunakan bukan sahaja dengan siapa tetapi disalahgunakan kepada di antara kita sendiri, dengan tujuan apa, tidak lain dan tidak bukan semata-mata untuk tujuan menjatuhkan peribadi seseorang itu. Inilah satu, mungkin kecelakaan yang mewarisi segelintir daripada kita yang harus dikikis. Kalau dibiarkan berterusan nescaya kemuliaan Dewan ini akan tercemar. Inilah Dewan yang tertinggi dan di Dewan ini juga kita bermesyuarat untuk menggubal undang-undang yang mempengaruhi seluruh kehidupan rakyat 14 juta manusia yang bermastautin di negara Malaysia ini. Kalau kebebasan itu digunakan tidak berpandukan, berlandaskan kepada keimanan, tidak berlandaskan kepada prinsip-prinsip demokrasi yang tulen saya khawatir maka segala panduan itu akan hilang, maka kemuliaan Dewan ini akan tercemar buat selama-lamanya. Jadi, apakah oleh kerana perbuatan seorang itu kita sanggup mengorbankan kemuliaan Dewan ini? Ada lebih baik tindakan yang setimpal diambil untuk mengajar orang yang bertanggungjawab ini supaya jangan yang lain diperkatakan menyalahgunakan kuasa sewenang-wenangnya. Andai kata pepatah "Sebab nila setitik, rosak susu sebelanga", kita tidak mahu itu.

Saya tidaklah ingin untuk menghuraikan panjang lebar tetapi sebelum saya mengakhiri perbincangan ini, dengan izin saya ingin memetik daripada seorang bekas Presiden Amerika, Abraham Lincoln, beliau pernah berkata—ini khasnya ditujukan kepada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan:

"You can fool a person at a time, you can fool some people some time but you cannot fool all the people all the time".

Oleh itu, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan sedarlah bahawa kita bukan budak-budak lagi. Kita sudah dewasa, bukan senang dan mudah diperbodoh-bodohkan. Kita dapat kenal apa itu hitam dan apa itu putih dan apa itu baik dan apa itu jahat. Dan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sepenuh hati menyokong pindaan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam atas usul asal yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri kelmarin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok.

4.56 ptg.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok):** Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan bagi menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh yang Berhormat Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak dibenarkan menyebut nama, sebutlah nama kawasan beliau.

**Tuan Yahya bin haji Zakaria:** Saya bangun menyokong pindaan yang dibuat oleh Wakil dari Silam kepada usul yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang sedang dibahaskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional yang telah berucap dahulu daripada saya ketika menyokong pindaan tersebut, adalah berasaskan kepada kesalahan yang telah dilakukan oleh Ahli Yang terhormat dari Sandakan ini dengan meletakkan perkara ini lebih mendalam ataupun lebih besar dan lebih serius lagi. Oleh kerana tuduhan ini dilemparkan kepada salah seorang Ahli Parlimen anggota Kerajaan Barisan Nasional dan tambahan pula Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas ini sebagai Ketua Menteri Negeri Sabah.

Sepanjang perjalanan Dewan yang mulia ini saya sering kali ataupun sering mendengar ucapan-ucapan yang dibuat oleh wakil-wakil Pembangkang terhadap sama ada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Ketua-ketua Menteri, Menteri-menteri Besar dan umumnya kepada semua pemimpin UMNO dan Barisan Nasional ini sentiasa dituduh sebagai rasuah, salahguna kuasa, pecah amanah dan sebagainya. Jadi, berasaskan kepada kesedaran keinsafan ini, saya ingin menyanjung tinggi dan bersetuju seperti mana yang telah dilaporkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan ini dalam muka 5, paragraph 15, yang berbunyi:

“Biarlah tindakan dan hukuman ini menjadi satu peringatan kepada Yang Mendakwa itu supaya ia jangan mengulangi perbuatannya yang tidak bertanggungjawab itu pada masa hadapan”.

Di sini saya menekankan supaya lebih diluaskan skopnya, bukanlah hukuman yang kita luluskan dalam Dewan yang mulia ini nanti khusus ditujukan kepada Yang Mendakwa itu bahkan kepada semua anggota-anggota Pembangkang yang ingin

membuat ucapan di dalam Dewan ini biarlah berasas dan mempunyai bukti-bukti yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang membentangkan usul ini di mana Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini telah membuat satu laporan yang setebal 70 muka, saya tidak tahu berapa perbelanjaannya dan dalam laporan ini cukup lengkap dengan sokongan-sokongan daripada fotostat senarai tanah, senarai geran tanah dan sebagainya dan Wakil Pendaftar Tanah dari Sabah pun diminta memberikan penjelasan dan sebagainya. Jadi saya ingin tahu daripada laporan ini berapa ribu atau berapa puluh ribu wang Kerajaan yang digunakan dan siapa menanggung perbelanjaan untuk menyiapkan laporan ini. Kerana ini, Tuan yang di-Pertua, kalau mengikut mahkamah biasanya setiap perkara yang dibicarakan di mahkamah ada diperuntukkan oleh hakim siapa yang menanggung perbelanjaannya, sama ada orang Yang Mendakwa ataupun Yang Didakwa; tetapi dalam laporan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini siapa yang menanggung perbelanjaannya, harap Timbalan Menteri nanti menerangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya menyokong pindaan ini supaya diberatkan lagi, bukanlah kerana ada satu perasaan marah dan sebagainya kepada Yang Berhormat dari Sandakan—tidak, tetapi tujuan saya menyokong ini adalah untuk membersihkan beliau daripada rekod di dalam Dewan rakyat. Dengan kelulusan yang akan kita buat nanti bagi hukuman yang setimpal kepada kesalahannya, maka beliau akan menjadi seorang wakil yang bersih, mengikut sepertimana yang kita amalkan Kepimpinan Melalui Teladan. Maksud saya Kepimpinan Melalui Teladan bukanlah teladan

yang baik sahaja mesti diikuti tetapi teladan yang tidak baik juga mesti diambil perhatian supaya jangan dilakukan lagi demi untuk kebaikan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong usul pindaan ini saya ingin bertanya dan saya ingin juga menjawab apakah sebabnya Yang Berhormat dari Sandakan ini menuduh Wakil dari Ulu Padas mempunyai harta tanah sebanyak 70%. Maksud dan tujuan ucapan itu dan tuduhan itu perlu kita kaji dengan secara yang mendalam dan kalau tidak silap saya, sewaktu perbahasan itu diadakan pernah Tuan Yang di-Pertua meminta supaya perkara itu ditarik balik tetapi Yang Berhormat itu tidak mahu menarik balik dan kalau tuduhan itu merupakan satu tuduhan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas, saya mengambil kira tujuannya adalah untuk menjatuhkan dan merosakkan bukan sahaja diri peribadi Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah itu dan Ahli Parlimen Ulu Padas itu tetapi dengan tujuan untuk menjatuhkan Kerajaan Negeri Sabah dan menyeluruh kepada Kerajaan Malaysia yang di pimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kita.

Saya suka membacakan kes tuduhan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Sandakan itu yang berbunyi:

“Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa pemilik tanah yang terbesar di Labuan adalah Ketua Menteri Sabah sendiri, Datuk Harris Salleh yang memiliki kira-kira 70% daripada tanah di Labuan”.

Saya ingin bertanya kalau rakyat Sabah ataupun rakyat umum Sabah telah tahu bahawa Ketua Menteri Sabah ini mempunyai tanah 70%, adakah tidak mungkin sama ada seorang dua atau seberapa ramai

bilangannya akan mengambil tindakan kepada Ketua Menteri Sabah ini, sama ada membuat undi tidak percaya, sama ada menembaknya mati kerana dia sudah menyeleweng sebagai Ketua Menteri, sebagai seorang yang rasuah; di atas jawatannya mengambil tanah sebegitu banyak. Adakah kemungkinan-kemungkinan ini boleh berlaku dengan tuduhan yang telah dilemparkan kepadanya itu. Ini kesalahan, bukan satu masalah yang kecil, satu perkara yang besar akan berlaku. Katalah rakyat Negeri Sabah ini mendengar tuduhan di dalam Parlimen ini, dibaca pula melalui mass-media, akhbar dan sebagainya, mereka akan hilang kepercayaan terus kepada Ketua Menteri Sabah dan akan mengambil tindakan. Inilah yang patut kita kaji, teliti dan halusi bahawa tuduhan-tuduhan yang seumpama ini bukan sahaja memberi kesan di dalam Dewan ini bahkan akan memberi kesan kepada batang tubuh seseorang itu, berkesan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan berkesan kepada Kerajaan Malaysia oleh kerana Kerajaan Negeri Sabah itu adalah di dalam Kerajaan Malaysia. Jadi semuanya harus diambil kira dan kalau hari inilah kita katakan ditakdirkan dengan tuduhan ini bahawa Datuk Harris Salleh ini sudah tidak ada lagi menjadi Ketua Menteri Sabah ataupun pada hari ini Datuk Harris Salleh sudah tidak ada di dunia ini, ini yang menyebabkan kita perlu menimbangkan . . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat, tolong sebut nama kawasan beliau, jangan sebut nama peribadi.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebut ini oleh kerana mengikut kes tuduhan ini. Di

dalam kes tuduhan ini ada menyebutkan Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sebutkan nama jawatan.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Saya akan sebut nama jawatan. Sebagaimana yang saya katakan tadi di atas tuduhan ini boleh menimbulkan perkara-perkara yang lebih besar yang berlaku, tetapi alhamdulillah, perkara itu tidak berlaku tetapi seandainya berlaku, bagaimana?

Maka dengan sebab itulah sepertimana yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan ini dalam paragraph 14 itu, kami khasnya saya sendiri adalah memandang bahawa hukuman itu adalah ringan dan sebab itu saya menyokong kepada pindaan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Silam ini sudah sewajarnya ataupun sepatutnya dan sepertimana kata Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi, kalaulah kami yang membawa usul pindaan ini, bukanlah sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Silam ini bahkan lebih. Ini disebabkan atas kesedaran dan keinsafan tanggungjawab, bukanlah ertikata hukuman ini kita merasakan suatu hukuman yang patut kita beratkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Sandakan—tidak, tetapi dalam ertikata yang sebenarnya untuk membersihkan seperti kata Yang Berhormat dari Kepong beliau bukannya berdosa tetapi didosakan. Bagi diri saya sebagai seorang Islam, untuk menentukan dosa ini saya kurang faham sebab untuk menetapkan dosa dan pahala hanya Allah subhanahu wataala sahaja yang tahu, Allah taala atau Tuhanlah yang paling arif menentukan dosa dan pahala seseorang. Ini adalah mengikut ajaran-ajaran Islam tetapi bagi orang-orang kafir laanatullah, saya tidak tahu sama ada mereka faham sama

ada dosa dan pahala mengenai sesuatu perkara yang dilakukan oleh seseorang manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai hujah-hujah saya bagi menyokong usul pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Silam ini sepanjang perbincangan mengenai perkara pindaan ini saya rasa amat dukacita sekali oleh sebab peluang-peluang yang diberikan oleh Kerajaan ataupun oleh Parlimen ini kepada setiap Ahli Parlimen saya rasa sudah lebih daripada sepatutnya.

Sebagai yang tercatat di dalam laporan ini kita dapati bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini termasuk juga dijemput Ahli Yang Berhormat seorang Peguam dari Jelutong. Selain daripada itu pula, Ahli Yang Berhormat dari Sandakan dibenarkan pula membawa seorang Peguam Encik K. C. Cheah bagaimana di mukasurat 11 ini untuk membela beliau di dalam mesyuarat yang diadakan dua kali oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini.

Di dalam laporan ini juga baru-baru ini di dalam Dewan ini Yang Berhormat dari Jelutong iaitu seorang peguam telah diberi amaran oleh Yang di-Pertua beberapa kali sehingga beliau terpaksa diusir daripada Dewan ini. Inilah satu perkara yang menyedihkan saya kerana kebebasan demokrasi, pembelaan dan sebagainya seperti yang telah dibuat oleh Kerajaan atau oleh Dewan Rakyat ini kepada seseorang sama ada warganegara lebih-lebih lagi kepada seorang Ahli Parlimen telah dibuat dengan begitu baik sekali. Saya tidak tahu sama ada Parlimen di negeri-negeri yang lain ada membuat seperti yang kita lakukan ini. Buat kata peribahasa Melayu, "Tidak ada kebaikan yang lebih baik layanan diberikan kepada setiap Ahli Yang Berhormat atau Ahli Dewan yang mulia ini untuk diadili dengan seadil dan sebaik-baiknya". Tetapi malangnya kita terdengar wakil-wakil

daripada Pembangkang mengatakan bahawa keputusan yang kita laksanakan ini adalah kejam dan tidak adil. Pada hemat saya, saya suka membawa perkara ini kepada diri kita sendiri sama ada yang menuduh seperti Ahli Parlimen dari Ulu Padas atau kepada Ahli Parlimen dari Sandakan. Kalau kita menjadi mereka itu, adakah sesuai atau tidak sesuai hukuman yang dijatuhkan kepada kita. Inilah satu perasaan yang halus yang ada pada diri tiap-tiap seorang Melayu yang bersopan santun yang berbudi bahasa supaya setiap perkataan yang kita kemukakan atau yang kita katakan biarlah kita sentiasa mengingati kepada peribahasa kita yang mengatakan bahawa, "Lidah itu adalah lebih tajam daripada pisau dan parang", kerana lidah yang berkatakata yang mendapat keizinan menggerakkannya daripada Allah subhanahu wataala ini, jika kita gunakan kepada kata-kata yang tidak betul akan menjadi lebih tajam daripada pisau dan pedang yang boleh membunuh manusia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat membangkang atau tidak bersetuju seperti kata-kata yang telah atau hujah-hujah yang telah dibuat oleh Yang Berhormat wakil dari Kepong yang mengatakan keputusan yang akan kita buat adalah tidak adil dan kejam dan sebagainya, itu saya rasa sungguh-sungguh tidak patut dilafas atau diucap atau dituduh kepada kita daripada Barisan Nasional yang akan mengundi bagi menyokong pindaan dan usul ini yang akan diluluskan sebentar lagi.

Maka dengan ini, saya tidak perlu memanjangkan hujah-hujah atas sokongan saya kepada pindaan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Silam ini, memadailah supaya sejarah akan tercatat di dalam Dewan Rakyat ini bukan sahaja untuk semasa kita Sesi Ke Enam Parlimen ini berjalan tetapi dalam sidang-sidang Parlimen

yang akan datang walaupun kita sudah tidak ada dalam Dewan yang mulia ini akan menjadi contoh dan teladan, akan menjadi ingatan kepada Pembangkang supaya berhati-hati atau berjimat cermat membuat sesuatu kenyataan supaya kenyataan-kenyataannya itu tidak akan menimbulkan kerugian, huru hara sama ada di negeri Sabah atau Sarawak atau di dalam negara Malaysia ini seumumnya.

Maka dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sesungguhnya dengan suci hati menyokong kepada pindaan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Silam.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Yang Berhormat dari Matang.

*5.16 ptg.*

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang):** Saya bangun bagi menyokong kepada Usul Pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Wakil dari Silam iaitu berhubung dengan masalah tuduhan-tuduhan yang dibawakan oleh wakil dari Sandakan kepada Ketua Menteri Sabah yang juga wakil Parlimen dari Ulu Padas dalam Dewan yang mulia baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dengar ucapan-ucapan daripada pihak Pembangkang dan juga daripada pihak Kerajaan berhubung dengan masalah usul yang dibuat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri berhubung dengan masalah tuduhan ini. Di sini saya rasa amat kesal begitu juga dengan sahabat-sahabat saya yang lain daripada komponen Barisan Nasional di atas tuduhan yang kita tidak harus ditujukan kepada sesiapa di dalam Dewan yang mulia ini. Maksud saya Wakil dari Sandakan ini tuduhannya adalah keterlaluan melebihi daripada had kebebasan Parlimen.

Di sini kita seharusnya bersyukur, berterima kasih kepada Kerajaan kerana dengan menggunakan Dewan ini, kebebasan Dewan hendaklah kita menghormati bukannya tempat atau Dewan ini untuk kita menuduh seseorang dengan secara melulu atau tanpa dengan ada bukti-bukti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah tuduhan-tuduhan, kalau mengikut pandangan Islam, apa yang dituduh oleh Wakil Sandakan ini bukan lagi tuduhan tetapi ini adalah satu fitnah.

Mungkin Wakil dari Pembangkang khasnya DAP tentu akan menyatakan bahawa kami daripada Barisan Nasional mempertahankan ataupun membela yang dituduh iaitu Ketua Menteri Sabah yang mana sebagaimana yang telah disarankan oleh Ketua Pembangkang yang juga Wakil dari Kota Melaka semalam yang mana beliau telah menuduh pula seorang wakil dari Sabah yang mempertahankan kedudukan yang sebenar Ketua Menteri Sabah tadi.

Jadi Wakil dari Kota Melaka yang juga Ketua Pembangkang menyatakan bahawa apabila seseorang itu membela maka kemungkinan Wakil yang membela itu akan mendapat habuan, misalnya jawatan menterikah atau nikmat-nikmat. Ini adalah satu tuduhan ataupun datang daripada satu perasaan yang kurang baik sebagai seorang Ketua Pembangkang.

Ini adalah tanggungjawab kita bersama. Ini adalah hak kita mempertahankan hak kita menyuarakan kebebasan, tetapi bukannya hak menuduh seseorang secara melulu tanpa bukti-bukti yang nyata. Ini tuduhan-tuduhan yang dibawa, yang dikemukakan dalam Dewan ini oleh wakil dari Sandakan itu mengikut pendapat Islam itu dinamakan fitnah.

Tetapi mungkin Wakil dari Sandakan ini tidak memahami tetapi Wakil dari Kepong tentu boleh faham. Tetapi Wakil dari Kepong ini kadang-kadang dia tunduk dia pandai sangat. Seolah-olah dia lebih tahu daripada orang Islam yang asal.

Tetapi jikalau kita tahu tidak mempraktikkan sebagai seorang Islam, jikalau dia mengetahui tetapi tidak mempraktikkan maka dosanya lebih besar. Tetapi hendak buat macam mana Wakil dari Kepong pun bukan orang Islam, dia seorang Catholic.

Jadi, di sini mengikut pendapat Islam, mengikut hukum Islam, fitnah ini dosanya lebih besar dari dosa membunuh. Jadi perkara yang dibawa oleh Wakil dari Sandakan ini adalah fitnah. Kita sedar tujuan pihak Pembangkang khasnya DAP bahawa mereka ini memang mencari jalan untuk menyalahkan orang-orang lain. Hendak mencari salah orang. Dok nampak salah orang salah diri sendiri tidak nampak. Bak kata pepatah orang-orang Melayu, "Kuman di seberang laut nampak, tetapi gajah di depan mata sendiri tidak nampak". Inilah sikap DAP yang ada pada hari ini. Jadi, dengan sebab itulah . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ada minta jalan.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Saya beri peluang.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sila.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menerangkan di sini saya bukan seorang beragama Catholic sebab itulah saya katakan ada juga kesalahan yang dilakukan. Janganlah menuduh orang yang salah juga. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih. Ini nampak gayanya Wakil dari Kepong ini cakap dia berputar belit. Hari ini dia berkata begini besok dia berkata lain pula. Jadi, tidak apalah itu memang adat orang politik putar belit. Politik ertinya putar belit. (*Ketawa*)

Jadi, di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak komen Wakil dari Kepong tadi sebab dia tidak faham.

Saya ingin menyambung berhubung dengan masalah perkara yang dibawa oleh Wakil dari Sandakan tadi.

Jadi, di sini mengikut hukum Islam Fitnah itu adalah lebih besar daripada dosa membunuh. Zina itu bawah sedikit. Membunuh atas lagi. Fitnah lebih besar lagi dosanya. Tetapi kita tahu sekarang ini orang suka bawa sangat perkara-perkara fitnah. Dia lupa yang fitnah itu dosanya lebih besar daripada dosa membunuh. Itu mengikut dalam undang-undang Islam, sebab kerana fitnah ini merosakkan; boleh merosakkan satu keluarga, boleh merosakkan satu negara dengan kerana fitnah.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini mengikut keputusan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, di sini cuma digantung sahaja tetapi kita syukur ke hadrat Allah s.w.t. inilah sebagai satu tanda bahawa negara kita yang mengamalkan demokrasi, ini baru adil. Cuma digantung sementara.

Tetapi, kalaulah di sesebuah negara yang tidak mengamalkan demokrasi, saya rasa Wakil dari Sandakan ini tidak ada di muka bumi ini. Misalnya di sebuah negara komunis. Kalau tidak percaya dia balik ke negeri asal dia tinggal di sana cuba tuduh Mao Tze Tung atau tuduh yang bukan-bukan saya rasa tidak sampai dua hari lingkup (*Ketawa*)—Ya! Hukuman dia pancung atau sebagainya, tidak tahulah. Jadi kita bersyukur. Tetapi bak kata Wakil dari Sabah tadi iaitu dari Hilir Padas yang mana bahawa

kita di negara ini kita patut berterima kasih kerana amalan demokrasi kita tadi. Tetapi bak kata beliau tadi memang benar. Dia ada had (limit) juga. Kesabaran pemimpin-pemimpin di negara kita ini, tambah pula pemimpin-pemimpin yang beragama Islam dan kita sedar bahawa pemimpin dari Sabah iaitu Ketua Menteri seorang Muslim, seorang Islam, sifat kesabarannya itu masih ada. Tetapi memang benar kesabarannya itu ada had dia. Terpaksa kalau sudah sampai tiga empat kali kita pun terpaksa bertindak balas. Tetapi tindak balasnya bukanlah secara membunuh atau menganiayanya, cuma kita mengikut lunas-lunas undang-undang kita di dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini juga saya pun berasa hairan jugalah kerana Wakil dari Jelutong tadi pun bukan main lagi dengan rancaknya menentang habis-habisan berhubung dengan masalah usul ini. Tetapi apa yang kita baca daripada Laporan Jawatankuasa bahawa beliau ini pun ada bersama dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini. Cuma ada 1-2 perkara Perenggan berapa yang dia menentangkan tetapi akhirnya dia bersetuju juga.

Jadi itu memang adat bagi seseorang Pembangkang, yang baik pun dia kata tidak baik, yang putih dikata hitam, benda itu dia tahu putih, dia kata hitam, kalau kita kata hitam, dia kata putih pula, itu adat atau perangai Pembangkang, kalau dia tidak puas hati, buat baik macam manapun dia kata tidak baik, itu perangai orang jadi Pembangkang.

Cubalah ikut contoh sebagai bekas Pembangkang yang sudah-sudah seperti Allahyarham Zulkiflee Muhammad, Allahyarham Dr Burhanuddin Al-Helmy, seperti bekas Ketua Pembangkang dari Kepong

juga. Tan Sri Dr Tan Chee Khoo, ini dinamakan Pembangkang yang berkaliar. Tetapi Pembangkang yang ada ini, tidak kaliarlah saya kata. Saya cakup terus terang tidak kaliar, dengan sebab itulah Kerajaan menghormati kepada bekas wakil daripada Kepong iaitu Tan Sri Dr Tan Chee Khoo seorang pemimpin berkaliar, dia beri pandangan yang baik—kita terima, tetapi yang kita nampak sedikit ini ada juga seorang Pembangkang yang berfikiran waras, agak liberal seperti wakil dari Kuala Lumpur Bandar yang saya nampak (*Tepuk*). Itu kita patut terima sebab pandangan yang diberi itu memang sesuai dan apa yang saya dapat laporan bahawa wakil dari Kuala Lumpur Bandar ini diterima oleh semua golongan, baik Bangsa Melayu, China, India, apapun diterima sebab cara dia berjalan itu diterima oleh semua, ini baru dinamakan Pembangkang yang boleh dipercayai. Ini Ketua Pembangkang sendiripun hentam-hentam, tetapi selalunya begini.

Wahai Pembangkang! Dia diumpamakan macam kucing, kucing jantan, kita tidak boleh kata kucing lelaki, lelaki ini manusia. Kucing jantan kalau berkelahi, yang suara deras itu alamat dia hendak kalahlah, yang perlahan itu yang kuat, yang deras dan kuat itu dia kalah, dia yang cabut dahulu. Saya ibaratkan mereka macam inilah sebab Ketua Pembangkang bukan main melenting suaranya, tetapi bila tiba masa nah! "terpeleot" juga, kata orang Perak. Jadi, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Apa "terpeleot" itu? (*Ketawa*)

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Kata orang Pulau Pinang "kioklah".

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja ucapan saya pada petang ini. Akhir kata, saya

menyokong kepada usul pindaan yang telah dibawakan oleh Yang Berhormat wakil dari Silam.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.36 ptg.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengikuti perbincangan yang panjang selama dua hari mengenai laporan yang dibuat oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan ini dan saya rasa, pada saya tidaklah hendak bercakap panjang dalam masalah ini.

Semua orang sudah membaca dan meneliti segala perbincangan, penyiasatan yang telah dilakukan dan saya mempunyai pendirian bahawa apa yang sudah dikatakan atau yang dilaporkan oleh Jawatankuasa itu merupakan suatu laporan yang cukup lengkap, yang kita rasa sebelum ini tidak ada lagilah perkara-perkara yang seperti itu dilakukan oleh Dewan ini, hanya kali inilah sahaja kita menerima laporan yang begitu lengkap mengandungi segala butir perbincangan seperti dalam sebuah mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, dari perbincangan dan hujah-hujah yang diberikan oleh kedua belah pihak, baik oleh DAP atau oleh pihak Kerajaan, memang jelas bahawa apa yang dikatakan oleh wakil dari Sandakan, yang didakwanya mengenai harta tanah milik Ketua Menteri Sabah itu adalah tidak benar dan ia merupakan suatu dakwaan yang palsu.

Saya berpendapat bahawa oleh kerana Yang Berhormat dari Sandakan hanya baru sekali inilah melakukan kesalahan demikian, maka saya rasa adalah amat wajar kalau hukuman yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan itu dikekalkan, diterima oleh Dewan ini sebagai satu hukuman yang wajar bagi seorang Ahli Dewan yang

telah melakukan, yang telah membuat dakwaan palsu seperti yang disebutkan dalam laporan itu.

Saya dengan ini mohon mencadangkan supaya hukuman yang disyorkan, yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri diterima oleh Dewan ini kerana inilah saya rasa hukuman yang paling adil, yang boleh kita terima kerana kesalahannya yang pertama, dalam kesalahan-kesalahan yang lain mungkin kalau berlaku lagi, Dewan ini bolehlah menimbang hukuman yang lebih berat kepada siapa sahaja Ahli Dewan yang melakukan kesilapan seperti ini.

5.38 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*).

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hendak apa lagi?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bercakap di dalam pindaan di hadapan mesyuarat.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Saya sudah benarkan Yang Berhormat bercakap kelmarin.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, itu dalam usul, sekarang oleh kerana ada satu perkara yang baru iaitu lain daripada usul asal, ini usul pindaan dan mengikut Peraturan, seorang Ahli boleh bercakap dalam usul pindaan, itulah mengikut Peraturan Mesyuarat yang ada, oleh kerana apabila saya bercakap masa itu tidak ada pindaan, saya tidak akan ulang apa yang saya cakapkan semalam, maka baru ada terhad khasnya kepada pindaan yang ada di hadapan mesyuarat.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Matang, yang sangat matang, tidak ada dalam Dewan sekarang, beliau

ada mengatakan bahawa seorang ahli politik ialah selalu memutarbelitkan, mungkinlah sifat kelakuannya sendiri, tetapi bukan kelakuan orang lain. Oleh kerana beliau ada sebut mengenai peranan Ahli dari Jelutong dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bahawa beliau ada bersetuju, tetapi di sini DAP ada bantah, inilah satu putar-belit yang besar, oleh kerana kalau ikut perakuan-perakuan, khasnya perenggan 14 dan perenggan 10, di mana ada perakuan mengenai hukuman dan lain-lain, Yang Berhormat dari Jelutong ada sebutkan bahawa beliau tidak setuju, dan apa Yang Berhormat dari Matang kata tadi sebenarnya fitnah yang tadi dia ada sebut.

Yang Berhormat dari Bagan Datok mahu tanya berapa belanja yang sudah diadakan untuk menjalankan siasatan ini. Tetapi apabila ada skandal \$250,000,000 Bumiputera Malaysia Finance di Hongkong tidak ada bunyi-bunyi berapa sudah hilang, berapa sudah rugi, \$250,000,000 tidak mustahak, satu siasatan mengenai perkara ini pun mahu tanya berapa wang? Itulah menunjukkan sikap sama ada tanggungjawab atau tidak tanggungjawab wakil-wakil Barisan Nasional yang ada tadi baru cakap.

Lagi satu perkara yang saya mahu kemukakan . . . . .

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** (*Bangun*).

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat, ada yang minta jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, boleh beri jalan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ya, sila.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Ketua Pembangkang. Saya

bertanya tentang kewangan ini wang rakyat, wang negara yang digunakan dalam laporan ini mesti ada guna wang, tuntutan tambang-menambang dan sebagainya, entah berapa ribu saya tak tahu. Tetapi soal yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang sekejap ini berkenaan dengan wang BMF di Hongkong itu tak ada kait-mengait langsung dengan pindaan yang hendak dibahaskan. Saya bukan peguam tetapi beliau sebagai seorang peguam dan Ketua Pembangkang lama biarlah erti, tahu apa yang hendak dicakapkan itu, tak ada sangkut-menyangkut wang BMF di Hongkong itu dengan pindaan. Dia kata tadi hendak bercakap hal pindaan daripada Yang Berhormat dari Silam, lain daripada itu jangan cakap. Kalau lain daripada itu cakap nanti, saya bangung lagi. Tuan yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu skandal BMF tidak sangkut dengan pindaan ini, tetapi sikap Yang Berhormat dari Bagan Datok tak pernah lahirkan perhatian minatnya mengenai skandal BMF \$2,500 juta. tetapi lahirkan berapa wang dibelanjakan dalam perkara ini, itu ada sangkut-paut dengan sikap seorang Wakil Rakyat yang menunjukkan betapa bertanggungjawabnya, \$2,500 juta wang rakyat tak mustahak, tak pernah cakap. Adakah pernah cakap dalam Dewan yang mulia ini? tak pernah cakap.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Boleh beri jalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Saya ingin bertanya Ketua Pembangkang, adakah pernah dibentangkan di dalam Dewan ini berhubung dengan perkara BMF itu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, ada perbincangan budget. Ada peluang bercakap tetapi tak mahu cari peluang, mahu sembunyikan sahaja, itu tunjuk orang ikhlas, jujur atau tidak ikhlas atau tidak jujur. Ini tujuan tak ikhlas sahaja. Ada peluang untuk kemukakan hal-hal BMF, budget berapa kali, tetapi mana Yang Berhormat dari Bagan Datok? Mana suaranya, mana mukanya?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Beri jalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Dalam pembentangan budget tak ada kait-mengait langsung tentang BMF. Dengar, saya hendak khusus kalau perkara itu dibentangkan di dalam Dewan ini kerana Perdana Menteri sudah berjanji perkara itu akan dibuat segala-segalanya oleh Bank Negara. Saya mengikuti, bukan saya tidur di sini. Ini Ketua Pembangkang, dengar saya kata, seorang Ketua Pembangkang yang macam mana kata Matang tadilah, biarlah dia berperangai macam Yang Berhormat Tan Sri Dr Tan Chee Khoo itu, baru kita hormat, lebih baik diganti Wakil Rakyat dari Kuala Lumpur Bandar, kalau rupa ini rupa Ketua Pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu tak sangkut-paut dengan apa yang ada dalam perkara ini. Ini tunjuk apabila ada peluang untuk cakap mengenai skandal BMF, dia lari, dia mahu perkara ditutup oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cakap ada siasatan, dia sudah puas hati. Itulah semua tahu bahawa apabila berlaku penyelewengan wang rakyat, Yang Berhormat dari Bagan Datok orang yang terakhir sahaja untuk menunjukkan perhatiannya.

Tadi, Tuan Yang di-Pertua, ada berlaku satu perkara yang saya rasa sangat serius di mana soal kaum

dalam negara ini, kaum India ada dicerca, ada dicela di mana ada dibenarkan untuk dirupakan sebagai "ular".

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Ahli Yang Berhormat, sila duduk! Tidak ada pencelaan dibuat terhadap sesiapa atau mana-mana kaum, cuma dibangkitkan masalah peribahasa, itu sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, tetapi apa peribahasa ini dibenarkan, ini ialah bererti bahawa dibenarkan satu kaum dicelakan dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pemimpin MIC boleh meminta Kerajaan bahawa satu usul dalam Parlimen ini untuk meminta maaf kepada kaum orang India.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat terperanjat mengenai pindaan di hadapan kita, pindaan kepada usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri mengenai Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Yang pertama, oleh kerana pindaan ini yang dibentangkan oleh Wakil Rakyat backbencher dari BERJAYA, sebenarnya menjadi satu tanda tidak kepercayaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kemukakan/bentangkan usul ini. Saya barulah melahirkan perasaan simpati kepadanya.

Kedua, pindaan ini pun menjadikan satu tanda tidak kepercayaan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, khususnya kepada Pengerusinya yang juga sebagai Yang di-Pertua dan juga bekas Hakim dan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa yang termasuk 2 orang Timbalan Menteri dan juga lagi 3 ahli yang antaranya seorang Setiausaha dan Setiausaha Parlimen dan lagi 3 ahli, antaranya seorang bekas Menteri, lagi seorang bekas Timbalan Menteri dan seorang ialah Wakil dari Jelutong, dengan izin, seorang "leading barrister". Sungguhpun kita

di pihak DAP ada tempat yang tidak bersetuju dengan proceeding-proceeding Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang kita ada utarakan semalam dalam ucapan saya, kita tidak cuba untuk memindahkan usul di hadapan Dewan oleh kerana kita mahu menunjukkan kepercayaan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sebenarnya, inilah kali yang pertama dalam Dewan untuk banyak lama di mana kita ada satu procedure yang wajar, satu sistem untuk menghadapi komplek-komplek mengenai langgar keistimewaan atau breach of privilege oleh kerana saya boleh ingat lagi di Parlimen dahulu apabila ada komplek-komplek mengenai breach of privilege dan ramainya termasuk satu komplek terhadap Yang Berhormat daripada Sabah yang ada cakap semalam di mana dalam Parlimen dahulu beliau ada dalam Dewan ini keluarkan satu bahagian dalam satu buku yang diharamkan dan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan, semua komplek-komplek itu lupa sahaja, tak tahu apa yang berlaku, apabila Parlimen bubar, semua pun habis.

Ini kita rasa baik, kita mahu memuji Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, khususnya Pengerusinya ada satu sistem di mana semua komplek-komplek mengenai langgar keistimewaan boleh disiasat dan dilaporkan dengan sertamerta, tetapi pindaan di hadapan Dewan ini merupakan satu ketidakpercayaan kepada judgement, kepada wisdom Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Mengang Parlimen ada kuasa, ada hak untuk overrule keputusan atau finding-finding dan perakuan-perakuan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, tetapi kalau apa yang dicadangkan berbeza jauh daripada perakuan asal, ini reflect

tentu kepada competent, kepada wisdom Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Sebab ketiga, cara-cara pindaan bukan kepada usul yang di hadapan Dewan tetapi pindaan kepada Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, satu cara yang sangat luar biasa. Yang sebenarnya mahu memaksa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan rekomen suspension dan bukan penggantungan dan bukan reprimand. Kalau saya ada dalam Committee of Privileges, saya akan bantah dengan keras oleh kerana ini dengan secara terbuka tidak hirau integrity, kemuliaan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Saya tadi ada kata memang dalam kuasa dan hak Parlimen yang melantikkan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk menerima atau menolak perakuan-perakuan Committee of Privileges atau menggantikan hukuman atau apa-apa dengan apa Dewan yang mulia fikir wajar dan patut tetapi Dewan yang mulia ini tidak ada kuasa, tidak ada hak untuk mencabul atau violate integrity Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dengan paksa meminda laporan tanpa persetujuan Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Itulah tidak boleh diterima. Tak patut kita membenarkan keamalan ini begitu tidak proper, tidak wajar, tidak regular dalam Parlimen kita orang yang meminda Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Oleh itu tadi saya kata itu adalah satu mencela semua Ahli-ahli Jawatankuasa.

Apa yang berlaku sebenarnya ialah kita memaksa, memaksa Jawatankuasa pinda tanpa memberi mereka masa untuk bincang setuju atau tak setuju oleh kerana selepas kita dengan paksanya pinda perenggan 14 Laporan ini masih dalam nama, masih dalam nama Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan

Kebebasan. Kalau kita benarkan perkara semacam ini berlaku kita akan mengadakan satu precedent yang sangat berbahaya.

Sebagai contoh lain kali ada Inquiry Committee, Ahmad Noordin Inquiry Committee on BMF Scandal, apabila siapakan, sempurnakan hantar kepada pihak-pihak yang berkuasa. Pihak-pihak yang berkuasa boleh pinda perakuan-perakuan, pinda findings dan barulah keluar kepada orang ramai. Mana boleh! Apa siasatan, apa inquiry remains intact. Kalau pihak yang berkuasa tidak bersetuju boleh keluarkan satu pendirian yang terasing dan dalam pengalaman saya semua Parlimen Komanwel tak pernah ada berlaku perkara semacam ini di mana dalam perbahasan Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan pindaan dibuat kepada Laporan Jawatankuasa tersebut untuk re-write dengan paksa perakuan-perakuan Jawatankuasa oleh kerana melalui satu usul Parlimen tak mahu terima atau satu pindaan kepada usul kepada Parlimen dan bukan kepada Laporan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan apabila membuat perakuan-perakuan bahawa Yang Berhormat dari Sandakan diberi satu gusaran atau satu pendekatan yang sebaik-baiknya impartial atau tidak partisan untuk sesuaikan hukuman dengan apa yang jadi. Tetapi apabila pindaan ini dikemukakan untuk overule perakuan-perakuan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bahawa reprimand dikenakan dengan suspension selama 9 bulan untuk Ahli dari Sandakan, jelaslah ini dibuat dengan tujuan politik yang membayangkan satu sikap, dengan izin, vindictive and spiteful dan pun menunjukkan mereka termasuk Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah yang mahu, dengan izin, pound of flesh

mereka. Kita tahu bahawa Yang Berhormat Ketua Menteri tidak suka hati dengan perakuan-perakuan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Dalam verbatim rekod pun kita boleh dapati bahawa beliau mahu sekurang-kurangnya satu hukuman, satu tahun suspension tetapi Parlimen patut adil. Perkara ini sudah ditimbang, diadili oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Selain daripada kita mahu tunjuk bahawa Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tidak layak atau tidak menjalankan pembicaraan dan perakuan dengan baik, dengan sempurna, kalau begitu tukarlah semua Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Tubuhlah satu Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang baru. Kalau tidak begitu patutlah kita terima apa sudah dilakukan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan janganlah membenarkan unsur-unsur politik vindictive dan spiteful dibenarkan dalam perkara ini.

Sebenarnya, apabila kita bahas usul ini peranan Dewan yang mulia ini sebagai peranan mahkamah sebenarnya sebagai satu mahkamah, mengadili perkara ini bukan sebagai satu Dewan di mana parti-parti politik ada tujuan tertentu yang terasing mencapai tujuan masing-masing, sebagai mahkamah dan Dewan yang mulia ini patut adil. Saya harap bahawa sebenarnya ini sangat tidak regular dan kalau kita mengikut pindaan, kalau pindaan diterima apa yang sebenarnya berlaku. Apa yang sebenarnya berlaku ialah perenggan 14 yang dipinda akan menjadi bahawa gusaran digantikan dengan suspension dan lepas itu ia (Ahli Yang Berhormat dari Sandakan) hendak diperintah melalui satu saman, hadir di dalam Dewan pada masa persidangan dan berdiri di hadapan meja Bentara mesyuarat dan Bentara itu akan berdiri di belakangnya.

Setelah itu Yang Mendakwa akan menerima suspension yang akan dijatuhkan oleh Yang di-Pertua ke atasnya. Perenggan itu untuk reprimand, bukan untuk suspension. Panggil seorang datang boleh cakap suspension, balik rumah tidur—apa? Sebab itu lagi menunjuk pindaan ini tak regular, tak patut, tak wajar dan saya harap dan meminta Tuan Yang di-Pertua boleh menimbang semula supaya buat satu ruling bahawa pindaan ini tidak regular tetapi kalau pindaan ini akan diteruskan saya pun mahu menggunakan peluang ini untuk kemukakan satu pindaan kepada usul yang dipinda. Oleh kerana saya pun ada memberi hujah-hujah bahawa kita patut adil, dua-dua Ahli Parlimen ada dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, Ahli Parlimen Sandakan dan Ahli Parlimen Ulu Padas dan daripada apa yang kita boleh melihat daripada verbatim proceedings Yang Berhormat dari Ulu Padas pun tidak boleh membuktikan tuntutan mengenai beliau tidak lebih daripada 2% harta tanah di Labuan dan apa Yang Berhormat dari Sandakan menerima sebagai hukuman pun patutlah diberi kepada Ahli Yang terhormat dari Ulu Padas dan pindaan saya ini mengikut peraturan mesyuarat secara bertulis ialah bahawa tambah di hujung perkataan-perkataan yang berikut, ialah semua pindaan atau usul pindaan tambah kepada semuanya di hujung perkataan-perkataan berikut:

“Dan seperti didedahkan dalam perjalanan verbatim Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Ahli dari Ulu Padas telah tidak atau tidak menawar untuk membuktikan kenyataan yang dibuatnya dalam Dewan Rakyat pada 22-11-83 yang juga telah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan maka Ahli bagi Ulu Padas hendaklah juga menerima hukuman yang sama seperti Ahli dari Sandakan”.

Tadi saya pun ada meminta bahawa mungkinlah kalau mungkin satu kajian dibuat sama ada pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Silam, regular atau tidak regular, kalau irregular, saya pun menarik balik pindaan itu, tetapi kalau pindaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Silam "regular", saya kemukakan pindaan kepada usul yang dipindahkan.

6.02 ptg.

**Dato K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu jika Tuan Yang di-Pertua hendak putuskan pertanyaan itu dahulu atau tidak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak berucap berkenaan perkara apa?

**Dato K. Pathmanaban:** Saya ingin berucap berkenaan perkara yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak berucap berkenaan perkara yang lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut sebagaimana notis yang dihantarkan kepada saya ini, dikatakan suatu pindaan, saya minta masa sedikit hendak membaca notis ini. Adakah pemberian notis di sini, adakah mengikut . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat 30, tidak perlu menghantar notis untuk pindaan kepada Usul, Peraturan Majlis Mesyuarat 30 surplus (2), saya boleh baca dalam Bahasa Inggeris:

"30 (1) When any motion is under consideration in the House or a committee thereof an amendment may be proposed to the motion if it is relevant thereto.

(2) An Amendment may be proposed to any such amendment if it is relevant thereto".

Inilah pindaan kepada Usul yang dipinda, dan notis tidak perlu oleh kerana ini pindaan kepada Usul, dan di "put to the House" dan apa yang perlu ialah S.O. 32—An amendment to motion should be put in writing and delivered to the Setiausaha unless the Chair dispenses with the requirement that it be put in writing.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang untuk saya hendak memutuskan yang pertamanya ini adakah amendment atau pindaan kepada cadangan pindaan, biar saya baca dahulu. Saya ingat . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Mesyuarat ditempohkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, persidangan ditempohkan selama 20 minit. Baiklah.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 6.05 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 6.20 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN WAKTU YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya meminta Yang Berhormat dari Kepong bercakap dan sebelum saya kemukakan usul ini, saya hendak membuat kenyataan sedikit iaitu berkenaan dengan ucapan yang telah dikeluarkan dalam Dewan ini tadi berkenaan dengan peribahasa "ular dan orang India". Sungguhpun ada peribahasa itu tetapi peribahasa itu boleh membangkitkan perasaan tidak senang dan tidak puashati di antara kaum istimewanya di kalangan orang-orang India. Oleh sebab itu, saya berharap pada masa hadapan tidaklah patut peribahasa ini digunakan bukan sahaja dalam Parlimen bahkan juga di luar Parlimen dan di mana-mana pun demi untuk menjaga perasaan muhibbah di antara semua bangsa di dalam negara kita (*Tepuk*).

Yang Berhormat wakil dari Kepong, Ucapan Tangguhan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah ucapan tadi atau ruling tadi dibenarkan untuk dilaporkan oleh surat-khabar oleh kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada arahkan surat-khabar semua tidak laporkan apa yang berlaku dalam proceedings Parlimen ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, itu bukan kuasa saya.

Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Dato' K. Pathmanaban:** Usul saya itu belum diputuskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak. Selepas daripada ucapan, baru ada dikemukakan.

#### UCAPAN PENANGGUHAN SEWA TANAH DI KEPONG

6.23 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, syabas kepada Tuan Yang di-Pertua atas keputusan tadi.

Saya bangkitkan hal soal geran dan approved application (A.A.) mengenai Kampung-kampung Baru yang jumlahnya 465 termasuk Jinjang yang terbesar sekali di Semenanjung kerana kebanyakan penduduk akan menghadapi masalah disebabkan oleh kebanyakan geran-geran itu akan tamat pada 1989. Dan dengan ini saya menyeru pihak Kerajaan supaya menyambung geran-geran ini sehingga 60 hingga 99 tahun. Dan dengan tempoh geran ini yang akan tamat beberapa tahun lagi maka akan adanya banyak permohonan untuk melanjutkan tempohnya. Dengan ini bolehkah jentera Kerajaan di Jabatan-jabatan Tanah seperti di Wilayah Persekutuan untuk menguruskan hal permohonan ini kerana bilangannya akan meningkat dari masa ke semasa. Dan saya berharap pihak Kerajaan dapat membenteras segala penyelewengan dan kejadian-kejadian yang tidak sepatutnya berlaku semasa pihak penduduk-penduduk membuat permohonan untuk melanjutkan tempoh gerannya. Dan kutipan wang ke atasnya janganlah terlalu sangat kerana kebanyakan mereka bukan berpendapatan tinggi. Itulah sahaja ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

6.27 ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Seri Mohd. Adib bin Haji Adam):** Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya dalam masalah ini, kawasan penempatan

yang dimaksud oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong ialah Kampung Baru Jinjang Selatan yang melibatkan kawasan 120 ekar dan Kampung Baru Jinjang Utara seluas lebih kurang 330 ekar. Kedua-duanya di dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Penempatan penduduk di kedua-dua kawasan ini telah diluluskan secara approved application, dengan izin. Kawasan penempatan Kampung Baru Jinjang Selatan mengandungi 938 lot di mana 688 daripada approved application atau A.A. telah ditukarkan kepada hakmilik sementara. Empat lagi masih daftar di bawah approved application dan yang lain masih lagi berdaftar tanah Kerajaan. Kawasan penempatan Kampung Baru Jinjang Utara mengandungi 2,546 lot. Sebanyak 2,330 daripada approved application telah ditukarkan kepada suratan hakmilik sementara, manakala 110 lot daripadanya masih berdaftar di bawah approved application dan 106 lot masih lagi bertaraf tanah Kerajaan. Kawasan yang diluluskan secara approve application di Kampung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan ini ialah dalam bentuk pajakan bagi tempoh selama 30 tahun. Hampir kesemua tempoh pajakan ini akan luput pada tahun 1989 yang akan datang.

Setakat ini Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan telah menerima 70 permohonan daripada pemegang pajakan tanahnya untuk melanjutkan tempoh pajakan tanah itu. Tetapi kesemua permohonan ini telah ditolak oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan kerana peraturan sementara yang sedang diikuti hanyalah menimbangkan permohonan-permohonan yang tempoh pajakan tanahnya akan luput dalam tempoh dua tahun dari tarikh permohonan dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Kanun Tanah Negara 1965, tiada peruntukan yang membolehkan sesuatu tanah yang telah dikeluarkan secara pajakan dilanjutkan tempohnya. Peraturan yang dibenarkan dari segi undang-undang ialah pemohon mengemukakan permohonan yang baru untuk mendapatkan pajakan yang baru apabila tempoh pajakannya luput. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan boleh mengambil tindakan yang lebih awal dengan cara pemilik menyerahkan balik tanah-tanah pajakan itu mengikut undang-undang dan Kerajaan menimbangkan semula pemberian milik tanah yang berkenaan kepada bekas-bekas pemajak.

Memandangkan kawasan-kawasan tanah yang sesuai untuk keperluan perumahan semakin berkurangan dan kepadatan penduduk semakin bertambah maka pihak Kerajaan berpendapat kesemua kawasan-kawasan perumahan berkelompok di Wilayah Persekutuan seperti Kampung-kampung Baru, Kampung Datok Keramat, Kampung Pandan, dan Air Panas, Setapak perlulah dirancang semula mengikut konsep pembangunan perumahan moden secara menyeluruh comprehensive dan berekonomik.

Oleh yang demikian, penolakan permohonan untuk melanjutkan semula tempoh pajakan tanah bukanlah sahaja melibatkan kawasan-kawasan di Jinjang Utara dan Jinjang Selatan sahaja tetapi juga Kampung Dato Keramat, Kampung Pandan, Kampung Baru Air Panas, Setapak dan sebagainya.

Mengenai procedure-procedure dan peraturan-peraturan yang telah digubal bagi menimbangkan permohonan-permohonan yang berkaitan dengan tanah di Wilayah Persekutuan didapati tidaklah

menimbulkan sebarang kerumitan dan kelambatan. Di sebaliknya sekiranya difikirkan kawasan tanah yang berkenaan boleh diberi milik semula kepada pemilik-pemilik tanahnya, permohonan-permohonan yang berkenaan boleh diselesaikan dengan cepat dan berkesan kerana kesemua permohonan itu boleh ditimbangkan secara berkelompok dan keputusan dibuat secara serentak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul di hadapan kita ialah Majlis ditangguhkan sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis ditangguhkan sekarang. Majlis akan disambung semula pada 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*